



LAPORAN TAHUNAN 2022



ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi PKNP..... **02 - 09**

Ahli-Ahli Perbadanan PKNP **10**

Carta Organisasi PKNP..... **11**

Pengurusan PKNP.....**12**

Laporan Pengurusan..... **13 - 48**

Kalendar Tahun 2022.....**49 - 66**

Laporan Dan Penyata Kewangan

PERUTUSAN PENGGERUSI

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurnia-Nya, saya bagi pihak Ahli - Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP yang berakhir pada 31 Disember 2022.

Bagi tahun 2022, PKNP memfokuskan penstrukturan semula hutang, peningkatan pendapatan melalui bisnes - bisnes baharu dan menjana pendapatan melalui sumber sedia ada. Malah, PKNP turut mensasarkan peningkatan kerjasama dengan pihak swasta dan pengukuhan operasi kumpulan

PKNP yang mencakupi 6 anak syarikat.

Langkah - langkah proaktif ini merupakan intipati kepada Pelan Transformasi PKNP yang dirangka bagi mendepani cabaran - cabaran bagi tahun 2022.

Pencapaian terbesar PKNP bagi tahun 2022 adalah penyelesaian baki pinjaman bagi kemudahan pembiayaan berjangka berjumlah RM 30 juta kepada CIMB Islamic Bank Berhad. RM 30 juta ini adalah baki kepada pinjaman berjumlah RM 200 juta yang telah diambil pada tahun 2012.



Penyerahan replika cek kepada CIMB Islamik Bank Berhad pada 25 Mei 2022

Sektor Perindustrian

Ekonomi Malaysia merekodkan prestasi memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7% untuk tahun 2022, melebihi anggaran 6.5% - 7.0% yang dibuat pada bulan Oktober 2022. Prestasi pertumbuhan juga jauh melebihi pertumbuhan ekonomi 3.1% yang dicapai tahun 2021.

Menurut YAB. Perdana Menteri Malaysia, pencapaian pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik dan pelaburan swasta, pengukuhan mata wang Ringgit, pelaburan langsung asing (FDI) yang memberangsangkan dan pengurangan pengangguran pada kadar 3.6 peratus pada Disember 2022.

Negeri Pahang mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dari kadar pertumbuhan ekonomi Nasional iaitu 10.8 peratus. Prestasi yang baik ini didorong oleh sektor perkhidmatan yang tumbuh pesat didorong oleh industri berkaitan pelancongan iaitu subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman serta penginapan.



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pahang

Sektor Pembangunan Hartanah

Pada tahun 2022, PKNP menumpukan kepada pembangunan satu (1) projek komersial iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Janda Baik, Bentong yang melibatkan 71 unit rumah.

PKNP juga menjalankan projek usahasama antaranya bagi projek pembangunan 300 unit perumahan di Jerantut dan 93 unit rumah di Berchang, Lipis.

Malah, PKNP turut terlibat dalam pelaksanaan pembangunan lima (5) projek di bawah geran peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di bawah projek sosio - ekonomi Rancangan Malaysia ke - 11 iaitu Pembangunan Gerai di Batu 4 1/2 Pekan, Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching, menaiktaraf fasiliti usahawan Kompleks Dagangan Mahkota, Pusat Pertumbuhan Desa Beserah, Kuantan dan menaiktaraf Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah di Pulau Keladi, Pekan.



Kompleks Dagangan Mahkota yang kini dikenali dengan nama BCIC Lodge menjadi pusat tumpuan aktiviti - aktiviti keusahawanan di Kuantan

Sektor Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan

Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (BPKK) terus giat melaksanakan fungsinya iaitu memberi nilai tambah kepada para usahawan bumiputera melalui latihan dan kursus yang terkini bagi membudayakan generasi baru bumiputera selari dengan Pelan Strategik PKNP. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 19 program berjaya dianjurkan termasuk kerjasama dengan pihak luar termasuk SME Corp dan MDEC.

Antara program yang dijalankan melibatkan program berikut :-

- 1 Program Transformasi Keusahawanan PKNP
- 2 Latihan Keusahawanan
- 3 Program Pembangunan Komuniti



Mantan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (kiri), Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun bersama Pengurus BPKK, Encik Nasry bin Kassim dalam satu program usahawan.

Sektor Korporat (Komersial)

Sektor korporat juga memainkan peranan dalam menyumbang kepada sumber pendapatan PKNP. Berikut merupakan pencapaian anak - anak syarikat PKNP pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. :-

Anak Syarikat	Keuntungan / Kerugian		Prestasi
	2021	2022	
PKNP Mineral Ind.Sdn Bhd	543,021	571,586	▲
PKNP Agro-Tech Sdn Bhd	4,521,499	5,455,419	▲
RT Dev. & Eng. Sdn Bhd	4,537,175	1,200,076	▼
Rumpun Timur Sdn Bhd	(434,413)	34,302	▲
BCIC Holdings Sdn Bhd	(139,300)	26,511	▲
Realistic Attraction Sdn Bhd	63,501	112,624	▲
Pascorp Paper Industries	42,242,958	- 18,036,850	▼
JUMLAH	38,920,850	39,183,162	



Antara projek di bawah RT Development Engineering Sdn Bhd adalah Perumahan di Seberang Balok, Kuantan

PROSPEK & PERANCANGAN MASA DEPAN

Bagi tempoh 2019 - 2026, PKNP juga telah menetapkan Perancangan Strategik jangka panjang untuk memberi fokus kepada pelaksanaan strategi-strategi berikut:-

-  Memantapkan penerokaan bisnes baru secara strategik serta mewujudkan Kumpulan PKNP yang tinggi daya saing;
-  Memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan dan aset organisasi;
-  Meningkatkan hasil jualan, sewaan dan pajakan aset hartanah;
-  Memantapkan profesionalisme perancangan dan pengurusan pembangunan hartanah;
-  Membudayakan integriti dan mengukuh pematuhan terhadap dasar dan prosedur organisasi;
-  Mempunyai sistem penyampaian serta proses kerja bernilai tambah dan berinovasi;
-  Meningkatkan kecekapan kawalan perundangan dan risiko dalam organisasi;
-  Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan;
-  Memantapkan keupayaan pengurusan harta;
-  Memperkasa jenama dan imej organisasi;
-  Meningkatkan komitmen organisasi di dalam mendokong dan melaksana agenda kerajaan negeri;
-  Membangunkan komuniti usahawan dan produk niaga yang kreatif, berdaya saing tinggi dan kompeten; dan
-  Memperkasa kompetensi dan kesiagaan modal insan organisasi.

Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, PKNP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM 18.12 juta berbanding dengan pencapaian sebanyak RM 124.53 juta bagi tahun sebelumnya.

Manakala di peringkat kumpulan PKNP mencatatkan keuntungan RM 27.41 juta berbanding pada tahun 2021, keuntungan sebanyak RM 128.86 juta.

Secara ringkas, kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti di bawah :

Ringkasan Penyata Pendapatan bagi tahun 31 Disember 2021

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	(RM Juta)		(RM Juta)	
Perolehan	157.87	235.14	123.50	205.54
Keuntungan / kerugian (sebelum cukai)	40.92	148.44	29.41	142.46
Cukai	(12.51)	(19.58)	(10.29)	(17.93)
Zakat	(1.00)	0.00	(1.00)	0.00
Keuntungan / kerugian Bersih tahun semasa	27.41	128.86	18.12	124.53

PENGHARGAAN

PKNP telah mencapai pelbagai kejayaan pada tahun 2022 dengan memenangi beberapa anugerah penting antaranya Anugerah Emas untuk Pentadbiran Cemerlang Sektor Perkhidmatan dan Tempat Kedua bagi Anugerah Digital di Anugerah Pahang 1st. Malah, PKNP turut memenangi Anugerah Gangsa di Anugerah Integriti Governance dan Antirasuah (AIGA).

Justeru, saya ingin merakamkan setinggi - tinggi tahniah dan terima kasih kepada Pihak Pengurusan PKNP dan seluruh Warga Kerja Kumpulan PKNP yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang, jujur dan berdedikasi dalam melunaskan peranan masing - masing.

Bagi tahun 2023, saya berharap semua pihak terus melaksanakan tugas dengan penuh integriti dalam mendokong misi dan visi PKNP, memastikan pencapaian cemerlang bagi tahun 2022 dapat dikekalkan dan melipatgandakan usaha demi kecemerlangan PKNP pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY
WAN ISMAIL
SSAP.,SUMW.,DSAP.,DIMP.,SMP.,AMP.**

*Pengerusi
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.*



Ahli-Ahli Perbadanan



YAB. MENTERI BESAR PAHANG
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.



Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.



Tuan Saiful Edris bin Zainuddin



Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.



YH. Dato' Haji Fadzilla bin Salleh
DSAP., DIMP., SMP., AAP.



YH. Dato' Sri Kamaruddin bin Mohammed
SSAP., DSAP., DIMP.



Encik Ahmad Suhaimi bin Endut



YH. Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad
DIMP.



Y.Bhg. Dato' Herman bin Abdul Hamid
ADK., JMW., DIMP.




YH. Dato' Mohd A Aruwan bin Ab Aziz
DIMP.




YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
DIMP., SMP., AAP.

Carta Organisasi



Pengurusan PKNP



LAPORAN PENGURUSAN

Laporan Pengurusan bagi tahun 2022 mengikut sektor :-

1.0 SEKTOR PERINDUSTRIAN

1.1 Ekonomi Malaysia merekodkan prestasi memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7% untuk tahun 2022, melebihi anggaran 6.5% - 7.0% yang dibuat pada bulan Oktober 2022. Prestasi pertumbuhan ini juga jauh melebihi pertumbuhan ekonomi 3.1% yang dicapai tahun 2021.

1.2 Antara indikator ekonomi yang telah menunjukkan prestasi kukuh pada suku keempat 2022 adalah:



Sumber Gambar: Utusan Malaysia

1.2.1 Permintaan domestik terus dipacu oleh penggunaan swasta yang disokong oleh prospek pasaran buruh yang lebih baik dan keyakinan perniagaan yang kekal positif. Pasaran buruh mengekalkan tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran berkurang kepada 3.6% pada S4 2022 (S3 2022: 3.7%).

1.2.2 Ringgit Malaysia bertambah kukuh 5.3% berbanding dollar Amerika syarikat. Ringgit Malaysia juga telah turut kukuh berbanding rakan perdagangan utama.



Sumber Gambar: Utusan Malaysia

1.2.3 Perdagangan luar terus mencatat pertumbuhan dua digit di samping prestasi pelaburan langsung asing (FDI) yang memberangsangkan. Jumlah dagangan berkembang sebanyak 14.8% kepada RM718.7 bilion dengan eksport dan import kasar masing-



Sumber Gambar: Utusan Malaysia

masing meningkat sebanyak 11.8% dan 18.7%. Malaysia merekodkan FDI bersih sebanyak RM19.3 bilion pada S4 2022 (S3 2022: RM12.3 bilion).

1.3 Pertumbuhan KDNK negara dijangka menyederhana pada 2023, sejajar dengan tinjauan ekonomi global terkini oleh IMF dan Bank Dunia yang menganggar pertumbuhan ekonomi dunia menurun daripada 3.4% tahun 2022 kepada 2.9% pada tahun 2023.

Sumber Rujukan: Kementerian Kewangan Malaysia

2.0 DATA - DATA PELABURAN 2022

2.1 Prestasi Pelaburan Malaysia

Secara keseluruhan, data daripada MIDA bagi tahun 2022 nilai pelaburan tercatat di Malaysia adalah sebanyak **RM267.8 billion**. Perincian prestasi ini adalah sepertimana berikut:

Perkara	Nilai
Pelaburan Tempatan	RM 104.4 Billion (38,3%)
Pelaburan Asing	RM 163.3 Billion (61,7%)
Kelulusan Projek	4,517 Projek
Pekerjaan Baru Ditawarkan	140,440 Pekerjaan

Sumber : MIDA

Lima (5) negeri yang mencatatkan pelaburan tempatan tertinggi di Malaysia ialah:

Ranking	Negeri		Nilai Pelaburan
1		Johor	RM 70.6 Billion
2		Selangor	RM 60.1 Billion
3		Sarawak	RM28.2 Billion
4		Kuala Lumpur	RM 25.0 Billion
5		Pulau Pinang	RM 16.3 Billion

Sumber : MIDA

Manakala lima (5) Negara yang menyumbang kepada pelaburan Asing di Malaysia ialah:

Ranking	Negeri		Nilai Pelaburan
1		China	RM 55.4 Billion
2		United States	RM 29.2 Billion
3		The Netherlands	RM 20.4 Billion
4		Singapore	RM 13.5 Billion
5		Japan	RM 11.4 Billion

Sumber : MIDA

2.2 Prestasi Pelaburan Pahang

Secara keseluruhan, data daripada MIDA bagi tahun 2022 nilai pelaburan tercatat di Negeri Pahang adalah sebanyak RM 2.97 Billion. Perincian prestasi adalah sepertimana berikut:

Perkara	Nilai
Sektor Perkilangan	RM 2.54 Billion
Sektor Perkhidmatan	RM 44.2 Juta

Sumber : MIDA Pahang

Antara pelaburan-pelaburan baru di Negeri Pahang adalah daripada syarikat:

2.2.1 Smart Glove Healthare Sdn Bhd.



Syarikat ini terlibat dalam sektor pembuatan sarung tangan dan bakal dibangunkan di Kawasan Perindustrian Gebeng III. Kini kerja-kerja di tapak sedang dilaksanakan.

2.2.2 Graphjet Technology Sdn. Bhd



Syarikat merupakan yang terawal dalam teknologi yang mewujudkan bahan graphite dan graphene daripada sumbur buangan pertanian seperti hampasan kelapa sawit. Kilang pembuatan ini akan dibuka di Kawasan Perindustrian Gebeng (MCKIP).

2.2.3 Wilmar Kuantan Edible Oils Sdn. Bhd



Syarikat merupakan dalam sektor pembuatan minyak sawit. Syarikat telah beroperasi sejak 2013 dan akan meluaskan lagi penghasilan dengan pembukaan / pembesaran kilang di Kawasan Perindustrian Gebeng

2.3 PKNP sebagai One Stop Agensi (OSA) Pelabur

PKNP sebagai One Stop Agensi (OSA) sektor Perkilangan Negeri Pahang bertanggungjawab membantu pelabur - pelabur berpotensi untuk melabur di Negeri Pahang tidak kira pelabur luar mahupun dalaman. PKNP juga sebagai orang tengah akan menyelaraskan isu - isu teknikal yang dihadapi oleh pelabur-pelabur.

Bahagian perindustrian PKNP juga terlibat dalam jualan serta pajakan tanah -tanah industri di Negeri Pahang. Berikut merupakan pencapaian bagi tempoh 2022:

Bil	Perkara	Nilai (RM)
1	Jualan Tapak Perindustrian - CF Asia Sdn Bhd - CT Precise Eng. Sdn Bhd.	RM 20.5 Juta
2	Sewaan & Pajakan di: - Gebeng - Kuala Lipis - Pekan - Rompin - Jerantut - Gambang & BIM	RM 1.1 Juta / Sebulan

Sepanjang tempoh 2022, Bahagian Perindustrian PKNP juga telah menerima beberapa kunjungan hormat dari pelabur - pelabur dan juga telah terlibat dengan beberapa siri perjanjian - perjanjian yang berkaitan industri perkilangan Negeri Pahang.



PKNP menandatangani Perjanjian bersama IBN Lovoceon Sdn. Bhd pada Februari 2022



Mesyuarat Penyelaras Pelaburan Bosai Minerals



Kunjung Hormat dari Gas Malaysia



Kunjung hormat daripada May Chemical Sdn. Bhd dan



Kunjung Hormat dari MPC Wilayah Timur



PKNP menandatangani perjanjian bersama MHT Silica Sdn. Bhd



Majlis Pecah Tanah Kilang Peluru

2.4. Program Promosi Pelaburan di Negeri Pahang 2022

Usaha-usaha mempromosi tanah industri terus dipertingkatkan melalui kerjasama semua agensi promosi Kerajaan Negeri yang berkaitan termasuklah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Unit Antarabangsa, Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSUK), Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) dan lain- lain yang terlibat.

Antara program yang telah dilaksanakan dalam tempoh 2022 adalah seperti berikut:

Bil	Perkara
1	Penyuntingan semula video promosi pelaburan - "Invest In Pahang - Pahang Accelerating Your Growth"
2	Menaiktaraf laman sesawang "Invest In Pahang" www.investinpahang.gov.my
3	Lawatan fasiliti ke kilang-kilang pelabur di seluruh Negeri Pahang (Kilang Baru)
4	Lawatan fasiliti ke kilang-kilang pelabur di seluruh Negeri Pahang bersama agensi-agensi pelaburan Negeri Pahang

3.0 PENUTUP

Pencapaian ekonomi yang memberangsangkan dalam tahun 2022 menunjukkan Malaysia berada pada landasan kukuh untuk mencapai pertumbuhan melebihi paras prapandemik bagi tahun 2022.

Prospek ekonomi Malaysia turut bergantung kepada perkembangan ekonomi global memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka. Tekanan ekonomi, terutamanya peningkatan inflasi global akibat kenaikan harga yang berterusan dalam komoditi, makanan dan bahan mentah, di samping isu gangguan rantai bekalan yang berterusan akibat ketegangan antara Rusia dan Ukraine dijangka meningkatkan kos operasi dan input kepada perniagaan. Tambahan pula, risiko keadaan kewangan global yang lebih ketat dan peningkatan kos sara hidup dijangka menjadi cabaran kepada usaha pemulihan ekonomi negara. Ekonomi Malaysia kini mula merasai kesan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan terutama dari negara maju.

Pelbagai langkah akan diteruskan bagi meningkatkan potensi ekonomi untuk terus menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menarik serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif.

2.0 SEKTOR HARTANAH

2.1 Projek Komersial

Pada tahun 2022, terdapat satu (1) Projek Komersil yang masih dalam pembinaan iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 di Janda Baik, Daerah Bentong yang merangkumi 71 unit rumah sepertimana komponen berikut:

Cadangan Projek	Komponen / Jenis Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2022
Perumahan Chemperoh Fasa I	Rumah Berkembar	6	Projek dijangka siap pada Februari 2023 Kemajuan kerja sehingga Disember 2022 telah mencapai 98%.
	Rumah Teres A	39	
	Rumah teres B	26	
Jumlah		71	



Projek Perumahan Chemperoh, Bentong

2.2 Projek Usahasama

Pada 20 April 2022, PKNP telah menandatangani Perjanjian Usahasama bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Baki 300 Unit Rumah di atas sebahagian tanah Milik PKNP seluas 56.426 ekar di Taman Saujana Utama Jerantut (TSU), Mukim Pedah, Daerah Jerantut dan Cadangan Pembangunan Perumahan 93 Unit Rumah di atas tanah Milik PKNP seluas 11.105 ekar di Berchang, Mukim Telang, Daerah Lipis.

Syarikat KTMSB juga telah menjelaskan bayaran "Commitment Fee" pada 21 Oktober 2022 berjumlah RM 610,550.00 yang juga diambilkira sebagai bayaran pulangan kepada PKNP.

Selain itu, status bagi projek - projek untuk cadangan usahasama yang lain adalah sepertimana jadual di bawah :-

Cadangan Projek	Komponen / Jenis Pembangunan	Unit	Status 2022
Perumahan Bandar Baru Chendor (RTDE)	Rumah Berkembar Rumah Teres	82	Bayaran 'Earnest Money' berjumlah RM 50,000.00 telah dijelaskan oleh (RTDE) kepada PKNP selepas menandatangani Perjanjian Usahasama
Perumahan Bandar Baru Chendor (Majutera Makmur Sdn Bhd)	Rumah Teres Rumah Sesebuah Rumah Berkembar	170	Pelan Infrastruktur masih menunggu kelulusan daripada PBT manakala Pelan Bangunan telah mendapat kelulusan

A. Perumahan Bandar Baru Chendor (RTDE)

PKNP
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

**CADANGAN PERUMAHAN
FASA 2B & 3A, DI
BANDAR BARU
CHENDOR,
MUKIM KUALA
KUANTAN,
DAERAH KUANTAN**

Perumahan Bandar Baru Chendor Fasa 2B dan 3A ini merupakan projek perumahan yang dibangunkan selepas projek perumahan Fasa 1 dan Perumahan Fasa 2A. Lokasinya adalah sama iaitu terletak di antara Jalan Utama Kuantan - Kemaman dimana 10 minit ke Bandar Chukai, Kemaman dan 30 minit ke Bandar Kuantan serta berhadapan dengan Impiana Resort Cherating dan kawasan-kawasan pantai pelancongan.

Komponen Projek yang dicadangkan adalah seperti berikut :-

Teres 1 tingkat (20' x 70') - 22 Unit
Berkembar 1 tingkat (40' x 80') - 20 Unit

Jangkaan tempoh perlaksanaan adalah dalam tahun 2022 - 2024 (24 Bulan)




BANDAR BARU CHENDOR

SITE PLAN

B. Perumahan Bandar Baru Chendor (Majutera Makmur Sdn Bhd)

PKNP
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG


CADANGAN PEMBANGUNAN
PERUMAHAN FASA 1, DI
**BANDAR BARU
CHENDOR,
MUKIM SUNGAI
KARANG,
DAERAH KUANTAN**

Lokasi tapak projek terletak di antara Jalan Utama Kuantan - Kemaman dimana 10 minit ke Bandar Chukai, Kemaman dan 30 minit ke Bandar Kuantan.

Komponen Projek yang dicadangkan adalah seperti berikut :-

Teres 1 tingkat (20' x 70') - 43 Unit

Jangkaan tempoh pelaksanaan adalah dalam tahun 2022 - 2024 (24 Bulan)



SITE PLAN

2.3 Projek Sosio - Ekonomi / Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK)

Bagi meneruskan agenda pembangunan negara bagi tahun 2022, PKNP telah meneruskan pelaksanaan pembangunan lima (5) projek di bawah geran peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Jabatan Perdana Menteri yang mana telah diluluskan pada tahun 2022 dan kini dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Status projek - projek tersebut sehingga Disember 2022 adalah sepertimana berikut :-

Bil	Cadangan Projek	Komponen / Jenis Pembangunan	Bil. Unit	Status 2022
1	Pembangunan Gerai di Batu 4 1/2 Pekan	Gerai Setingkat	12	Kemajuan fizikal projek sehingga Disember 2022 telah mencapai 90%.
2	Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching	Kedai 1 1/2 Tingkat	4	Projek di peringkat awal pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 15%
3	Menaiktaraf Fasiliti Usahawan Kompleks Dagangan Mahkota	Naiktaraf Fasiliti	11	Projek di peringkat akhir pelantikan kontraktor utama
4	Pusat Pertumbuhan Desa Beserah, Kuantan	Kedai 1 Tingkat	5	SST telah dikeluarkan pada 19 Oktober 2022 dan di peringkat awal pembangunan
5	Menaiktaraf Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah di Pulau Keladi, Pekan	Naiktaraf Fasiliti	-	Kemajuan fizikal projek sehingga Disember 2022 telah mencapai 15%

A. Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching



PEMBINAAN 4 UNIT KEDAI 1 1/2 TINGKAT SEBAGAI PUSAT PERTUMBUHAN DESA DI **KG. PANCHING, KUANTAN**

PKNP menerima peruntukan untuk melaksanakan projek Sosial melalui peruntukan Kementerian Ekonomi. Projek Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching, Kuantan merupakan projek pembinaan kedai 1 1/2 tingkat sebanyak 4 unit dan akan disewakan kepada usahawan setempat.

Tempoh Pelaksanaan

Pembinaan projek ini telah dimulakan pada 2022 dan dijangka akan siap dibina pada tahun 2024.



2.2 Projek Sosio - Ekonomi /projek Khas Bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)

- i. Projek-projek yang sebelum ini diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 2019 kini juga dipantau oleh EPU iaitu Projek Kecil Berimpak Tinggi. Pelaksanaan Projek Kecil Berimpak Tinggi ini adalah di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut :-

Nama Projek	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan
Projek Berimpak Tinggi di Bawah Projek Khas MEA (Kini dibawah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri)	77 Projek 61 Projek Sebutharga (61 Projek Telah Siap) 16 Projek Tender (5 projek telah siap) 10 didalam proses pelaksanaan kerja di tapak, manakala 1 projek dalam proses penyediaan dokumen tender)	51.3 juta

- ii. Projek - projek yang ini diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 2022 kini juga dipantau oleh Kementerian Ekonomi iaitu Projek Kecil Berimpak Tinggi. Pelaksanaan Projek Kecil Berimpak Tinggi ini adalah di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut :-

Nama Projek	Bilangan Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan
Projek Berimpak Tinggi di Bawah Projek Khas MEA (Kini dibawah Projek Khas Kementerian Ekonomi)	32 Projek Dalam proses penyediaan sebut harga	9.55 juta

3.0 SEKTOR HARTANAHProjek Komersial

3.1 PRESTASI 2022

Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (PKK) ditubuhkan bertujuan untuk menjayakan dasar Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) serta meletakkan kepentingan masyarakat khususnya golongan B40 melalui pelaksanaan Program Pembangunan Komuniti. Selari dengan Pelan Strategik PKNP, bahagian PKK lebih memfokuskan kepada mengenalpasti dan membimbing usahawan bumiputera di Negeri Pahang.

A. Program Transformasi Keusahawanan PKNP

PKNP melalui Program Transformasi Keusahawanan telah mengatur sesi khidmat nasihat dan 'coaching' secara individu atau kumpulan kecil usahawan bagi meningkatkan semangat dan mencari solusi dalam kesediaan usahawan bangkit menghadapi pasca Covid - 19. Peserta ini kemudiannya disarankan menyertai program - program latihan berkaitan yang dianjurkan oleh agensi terlibat antaranya FAMA, PUNB, INSKEN, MDEC, SME CORP, MARA dan agensi lain.

Aktiviti pepadanan peluang - peluang perniagaan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan turut dimaklumkan melalui siri Master Your Own Business (MYOB) , sesi Padanan Perniagaan (Business Matching) dan Business Clinic (Pocket Talk).



Program Usahawan INSKEN diadakan pada Mac 2022

B. Latihan Keusahawanan

Dalam usaha membantu meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran para usahawan bumiputera khususnya untuk usahawan bimbingan PKNP, Bahagian PKK telah mempergiatkan aktiviti latihan keusahawanan. Sebanyak 19 aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2022 melalui kolaborasi dengan agensi luar dan penganjuran PKNP sendiri.

Seramai 381 telah menyertai program-program yang dianjurkan. Modul latihan 2022 lebih memfokuskan kepada penjenamaan, pemasaran digital dan 'online business' melalui sosial media serta hebahan insentif dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.



Program Usahawan SME Corp diadakan pada bulan 7 April 2022



Kursus Keusahawanan E - DAGANG berjaya menarik penyertaan 90 orang peserta

C. Program Pembangunan Komuniti

Sebanyak dua program komuniti telah dijalankan oleh bahagian PKK pada tahun 2022 iaitu Kursus Menyelamat di Air & Asas Pengendalian Bot dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam (APAM) yang melibatkan AJK Skuad Bencana dan sukarelawan PKNP. Bahagian PKK juga telah menjalinkan kerjasama dengan Kolej Komuniti Kuantan untuk diadakan Kursus Whatsapps For Business kepada lebih 50 orang peserta.



Kursus Menyelamat di Air & Asas Pengendalian Bot melibatkan 20 orang anggota pekerja PKNP

3.2 RUMUSAN

Sebanyak 19 program yang telah dilaksanakan melibatkan lebih 381 penyertaan melalui penganjuran oleh PKNP dan juga penganjuran bersama Rakan Strategik, NGO dan Kerajaan Negeri Pahang yang hanya melibatkan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh PKNP sebanyak RM 20,000.00 sahaja. Pelbagai pendekatan latihan dan bimbingan telah dilaksanakan sama ada secara bersemuka mahupun secara dalam talian bagi memastikan usahawan Negeri Pahang mendapat maklumat dan mengambil peluang bagi menikmati kemudahan serta mendapat manfaat yang disediakan oleh pelbagai agensi.

Program Anjuran PKNP (Program Transformasi Keusahawanan PKNP)

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Klinik Keusahawanan	05 Jan 2022	5
2.	Program Perkongsian Ilmu Teknik Viral Media Sosial Dalam Menjana Pendapatan	23 Mac 2022	40
3.	Program Bizz Clinic	30 Mac 2022	20
4.	Program Transpreneur PKNP Komuniti Bera	26 Mei 2022	25
5.	Program Latihan Pengendalian Bot & Asas Menyelamat Di Air	15 & 16 Jun 2022	33

Program Kerjasama Dengan Pihak Luar

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1.	Sesi Taklimat & Permohonan Dana Syarikat Bersama SME CORP.	07 Apr 2022	5
2.	Sesi "Business Matching" - Meat & Deal	23 Jun 2022	80
3.	Webinar Produktiviti & Daya Saing Bersama MPC	28 Jun 2022	-
4.	Program Mini BITE 2022 Karnival Pra Franchise	29 Jun 2022	150
5.	Karnival Sempena Hari Keusahawanan Negeri Pahang	01 Jul 2022	-
6.	Program Jelajah Francais	15 Jul 2022	-
7.	Jelajah Halal Malaysia 2022 - Pahang	19 Jul 2022	-
8.	Pameran Pertanian, Hortikultur, dan Agropelancongan (MAHA)	10 Ogos 2022	-
9.	Taklimat Fungsi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)	24 Ogos 2022	-
10.	Malaysia Halal International Showcase (MIHAS)	07 Sep 2022	-
11.	Program Meja Bulat Bersama PMKS Pahang	20 Sep 2022	-
12.	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Majlis Pelancaran Penyerahan Skim Pembiayaan Kewangan Usahawan Mikro Negeri Pahang	06 Okt 2022	-
13.	Kursus Whatsapps For Business	28 Okt 2022	-
14.	Program DE Dagang & Kursus Tiktok Shop Bersama MDEC	14 Dis 2022	90

4.0 SEKTOR PELABURAN

Secara keseluruhannya, PKNP mempunyai enam (6) anak syarikat dengan pegangan penuh 100 % sepertimana berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Sektor	Tahun Ditubuhkan
1	PKNP Mineral Industries Sdn Bhd	Perlombongan	1999
2	PKNP Agro-Tech Sdn Bhd	Perladangan	1992
3	RT Development & Engineering Sdn Bhd	Hartanah	1994
4	Rumpun Timur Sdn Bhd	Agri - Business	1998
5	BCIC Holdings Sdn Bhd	Penyewaan Fasiliti	1989
6	Realistic Attraction Sdn Bhd	Textile	1993

4.1 Aktiviti Utama Anak Syarikat adalah seperti berikut :-

4.1.1 PKNP Mineral Industries Sdn Bhd (PMISB)

Operasi syarikat tertumpu dalam membantu pelaksanaan kutipan hasil perlombongan bagi pihak PKNP untuk sepuluh (10) projek perlombongan PKNP serta dua (2) projek penswastan perlombongan yang masih aktif



4.1.2 PKNP Agro -Tech Sdn Bhd (PASB)

Syarikat PKNP Agro -Tech Sdn Bhd (PASB) bertanggungjawab menguruskan ladang kelapa sawit yang merangkumi penanaman dan penjualan hasil tanaman bagi pihak PKNP. Berikut merupakan senarai ladang yang diuruskan oleh syarikat:

Projek	Lokasi	Keluasan (ek)
Ladang Mukim Ganchong	Ganchong, Pekan	4,770
Ladang Mukim Hulu Tembeling	Sg. Kembir, Jerantut	10,000
Ladang Rompin	Kg. Sembayan Rompin	1,000



4.1.3 RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE)

Syarikat RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE) ditubuhkan untuk membangunkan sektor hartanah di sekitar Negeri Pahang dalam memenuhi hasrat dan keperluan seluruh rakyat Pahang untuk memperoleh rumah mampu milik dan berkualiti.

Antara projek yang telah siap dilaksanakan adalah seperti Sinaran Mahkota, Mahkota Triangle, The Oasis dan Peramu Permai Fasa 1 & 2. Syarikat juga sedang menjalankan dan menyiapkan beberapa projek seperti Seberang Balok dan Peramu Permai Fasa 4A yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023. Selain itu juga, Syarikat sedang merancang pembangunan pada tahun 2023 - 2025 yang menyasarkan beberapa projek baru seperti Chendor, Peramu Permai Fasa 4B & 4C dan juga pembangunan tanah milik di Ketapang, Pekan.



4.1.4 Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB)



Operasi syarikat Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB) tertumpu kepada perniagaan sewa pajak bagi projek akuakultur, projek solar dan ladang kelapa sawit serta sewaan reban.

4.1.5 BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC)

Syarikat BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC) bergiat dalam pengendalian kursus / seminar dan juga penyewaan fasiliti. Terkini, syarikat juga mengendalikan pengurusan rumah - rumah rehat kerajaan Negeri Pahang di Raub, Jerantut dan Bera.



4.1.6 Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB)

Syarikat Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) bergiat dalam penghasilan kain tenun Pahang Diraja. Syarikat juga menghasilkan barangan seperti bag, kasut, dan tali leher yang berasaskan tenun. Terkini, syarikat menyediakan khidmat menghasilkan baju korporat bagi agensi - agensi di sekitar Negeri Pahang.



4.2 Prestasi Anak - Anak Syarikat PKNP

Pada tahun 2022, semua anak syarikat PKNP telah menunjukkan perkembangan positif selepas berhadapan dengan cabaran Covid - 19. Namun, terdapat juga syarikat yang sedang berusaha untuk kembali menapak dan mencari perniagaan baru. Secara keseluruhannya, prestasi anak - anak syarikat PKNP adalah amat baik apabila berjaya mencatatkan keuntungan. Ringkasan prestasi keseluruhan syarikat adalah seperti berikut:

1. PKNP Agro-Tech Sdn Bhd (PASB)

Syarikat PASB telah mencatatkan peningkatan dalam pendapatan berbanding tahun 2021 sebanyak 30% apabila memperoleh RM 22.76 juta berbanding RM 17.9 juta tahun sebelumnya. Manakala keuntungan yang diperoleh juga meningkat sebanyak 58%. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah hasil tuaian daripada Ladang Ganchong, Sebayon dan embel-embel semakin meningkat serta kenaikan harga Minyak Sawit Mentah (MSM) dengan purata mencecah sehingga RM 5,000/MT.

2. PKNP Mineral Industries Sdn Bhd (PMISB)

Syarikat PMISB telah memperoleh pendapatan sebanyak RM 1.07 juta dengan peningkatan sebanyak 20% berbanding tahun 2021. Manakala keuntungan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 0.53 juta berbanding RM 0.54 juta pada tahun 2021. Pencapaian ini adalah hasil daripada kutipan bayaran yang tertunggak dengan kaedah tuntutan yang efektif.

3. Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB)

Syarikat RASB telah mencatat peningkatan dalam pendapatan sebanyak 37% apabila berjaya memperoleh sebanyak RM 1.25 juta berbanding RM 0.92 juta pada tahun 2021. Manakala keuntungan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 0.14 juta berbanding RM 0.06 juta dengan peratusan peningkatan sebanyak 126%. Hal ini adalah berikutan permintaan kain tenun yang semakin meningkat terutama daripada badan kerajaan selepas pengumuman pemakaian baju tenun oleh kerajaan negeri.

4. RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE)

Syarikat RTDE mencatatkan penurunan dalam pendapatan berbanding tahun 2021 sebanyak 23% apabila memperoleh sebanyak RM 9.2 juta berbanding RM 11.98 juta pada tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun, pencapaian ini berjaya melangkaui jumlah yang disasarkan iaitu RM 8.7 juta dengan peratusan sebanyak 5%. Manakala keuntungan syarikat berjaya dicapai sebanyak RM 1.0 juta dengan melepasi jumlah kerugian yang dianggarkan sebanyak (- RM 0.2 juta). Pada tahun 2022, terdapat dua (2) projek terpaksa ditangguhkan kerana masalah teknikal yang melibatkan pihak ketiga. Manakala terdapat satu (1) projek dibatalkan kerana tiada permintaan selepas satu (1) tahun diiklankan.

5. BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC)

Syarikat BCIC mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Mei 2022 selepas semua sektor ekonomi dibenarkan kerana Covid - 19. Berikutan itu, pendapatan syarikat terjejas dengan memperoleh pendapatan 81% daripada yang disasarkan. Namun begitu, pencapaian ini lebih baik daripada tahun 2021 dengan perbezaan 173%. Sepertimana anak syarikat yang lain, BCIC turut mencatatkan keuntungan apabila berjaya mencapai keuntungan yang disasarkan berbanding kerugian yang dicatat pada tahun 2021.

6. Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB)

Prestasi syarikat RTSB agak merundum pada tahun 2022 apabila syarikat tidak lagi mengusahakan jualan ayam kerana persaingan yang sengit serta kos pengeluaran yang tinggi. Oleh yang demikian syarikat kini menumpukan kepada kutipan sewa pajakan tanah sementara meneliti perniagaan baru yang boleh diceburi. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, RTSB berjaya memperoleh keuntungan sebanyak 11% daripada sasaran dengan pencapaian pendapatan sebanyak 64% daripada sasaran.

5.0 SEKTOR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Struktur Organisasi PKNP telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) orang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan, seorang (1) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan dan tiga belas (13) orang Pengurus Bahagian /Unit seperti berikut : -

Sehingga Disember 2022, bilangan anggota pekerja PKNP adalah berjumlah 146 orang dengan pecahan kumpulan perkhidmatan seperti di bawah :

Pengurusan Atasan	-	3 orang
Kumpulan Pengurusan & Profesional	-	42 orang
Kumpulan Pelaksana	-	101 orang

Sepanjang tahun 2022, PKNP telah melantik seramai sembilan (9) orang anggota pekerja baru dan seramai lima (5) orang anggota pekerja telah bersara paksa/pilihan.



Dua orang anggota pekerja yang bersara pada Disember 2022

Bagi memantapkan pengurusan PKNP serta peluang kerjaya kepada anggota pekerja, 3 orang anggota pekerja telah menerima kenaikan pangkat secara Timed - Based berasaskan kecemerlangan (TBK1).



3 orang anggota pekerja menerima kenaikan pangkat

Berdasarkan laporan penilaian prestasi tahunan 2021, seramai 11 orang anggota pekerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 3 orang anggota pekerja menerima Insentif Perkhidmatan 25 Tahun pada Majlis Persaraan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP Tahun 2022.



11 orang anggota pekerja PKNP menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

5.1 Pelaksanaan Kursus & Latihan

Dalam Tahun 2022, sebanyak RM 110,381.00 telah dibelanjakan bagi penganjuran kursus dalaman dan luaran untuk anggota pekerja PKNP. Sebanyak 6 kursus dalaman telah diadakan bagi meningkatkan serta memperkasa pengetahuan tenaga kerja kumpulan profesional dan kumpulan pelaksana.

Fokus diberikan melalui pelaksanaan Kursus Pemahaman dan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015, Kursus Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah dan Kualiti dan Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 dan ISO 37100:2016 bagi mempertingkatkan kefahaman pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional berkaitan sistem tersebut serta pelaksanaan Bengkel Penyediaan Dokumen Myportfolio untuk mempertingkatkan kemahiran dalam penyediaan perisian tersebut.

Kursus Team Building juga dilaksanakan untuk anggota pekerja baharu atau dilantik ke skim perkhidmatan baharu bagi pengesahan jawatan di PKNP.



Kursus Team Building diadakan di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan

Selain itu, bagi memantapkan budaya dan penerapan nilai - nilai murni, Program Tazkirah Ramadhan dan Kuliah Tafsir Al - Quran juga diadakan sepanjang tahun.



Program Tadarus Al - Quran diadakan di Tingkat 3, Kompleks Teruntum

Di samping itu, sesi perkongsian ilmu telah diatur untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada anggota pekerja berkaitan Penggunaan Aplikasi Semakan Lokasi Tanah Milik PKNP sebagai alternatif baharu penyemakan lokasi tanah PKNP.

5.2 Kos Rawatan Anggota Pekerja Tahun 2022

Bagi tahun 2022, PKNP telah membelanjakan sebanyak RM191,239.00 bagi rawatan Klinik Panel, bayaran Dialisis Yayasan Pusat Hemodialisis/KCDC, perbelanjaan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) / Hospital, tambahan perlindungan insurans dan Klinik Panel Rawatan Pergigian serta lain - lain rawatan. Anggota pekerja juga diberi Insentif Insuran dibawah Syarikat Great Eastern Takaful Berhad dengan jumlah premium sebanyak RM458,822.55 setahun.

5.3 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

Pelaksanaan Mesyuarat MBJ PKNP dari tahun 2009 hingga tahun 2020 ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya sebanyak empat (4) kali setahun. Pada tahun 2021 dan 2022, susulan dari pandemik Covid - 19, pelaksanaan Mesyuarat MBJ telah ditetapkan sebanyak tiga (3) kali setahun dan PKNP telah berjaya melaksanakannya dengan jayanya.



Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan Sesi 2020 - 2022

6.0 SEKTOR PENGURUSAN ICT

Pengurusan ICT terbahagi kepada dua (2) aktiviti utama :

6.1 Perolehan Alat Sistem Komputer

Perolehan peralatan yang telah dilaksanakan bagi komputer desktop, notebook dan pencetak serta alat sistem network PKNP adalah mengikut perancangan yang dirangka pada tahun 2022 dengan tumpuan kepada penggantian peralatan yang lama dan atau yang masih menggunakan teknologi yang tidak lagi dapat disokong oleh industri antaranya Sistem dan Firewall PKNP. Naiktaraf dan penyelenggaraan masih dibuat bagi kes yang bersesuaian yang dapat memanjangkan jangka hayat penggunaan alat sistem terlibat.

Perancangan juga disemak dan dibuat perubahan agar selari dengan halatuju strategik pendigitalan sektor awam dan pelan digital Pahang. PKNP telah berjaya memperluaskan lagi kaedah pembayaran secara dalam talian dengan memberi kemudahan kepada pelanggan membuat bayaran sewa melalui platform aplikasi mobile PahangGo. Notifikasi dan penghantaran invois secara automatik juga telah diperkenalkan bagi meningkatkan efisiensi serta komunikasi yang lebih telus. Portal Invest In Pahang telah digantikan dengan rekabentuk baru yang menggunakan platform dan teknologi terkini dalam usaha menarik lebih ramai pelabur ke Pahang. Lain-lain aplikasi tertumpu kepada penambahbaikan proses kerja di Bahagian / Unit PKNP.

6.2 Perkhidmatan Dan Penyelenggaraan Alat Sistem Komputer

Aktiviti penyelenggaraan alat sistem komputer telah dilaksanakan mengikut perancangan sama ada secara berjadual atau hasil pemantauan dan aduan yang diterima. Tumpuan yang lebih telah diberikan kepada perkhidmatan melibatkan pengoperasian 'mission critical systems' iaitu Laman Web Portal PKNP, Sistem SAP Business One dan eGaji serta pengurusan server dan DRC PKNP.

Lain - lain aktiviti melibatkan pembaharuan domain dan perkhidmatan hosting serta langganan perisian bagi memenuhi keperluan PKNP. Senggaraan perkakasan dan sistem telah dilakukan secara dalaman dan atau secara kontrak. Khidmat sokongan/khidmat nasihat kepada Bahagian/Unit di PKNP dan anak syarikat milik penuh PKNP juga telah diberikan mengikut keperluan semasa. Selain itu, perkhidmatan yang disediakan termasuk pengurusan stok ink dan toner, kemudahan pinjaman notebook serta khidmat teknikal ICT kepada pihak pengurusan dan anggota pekerja PKNP dalam pengurusan majlis / mesyuarat PKNP secara atas talian.

6.3 Pencapaian Pendigitalan ICT

PKNP telah berjaya mendapat tempat kedua bagi kategori Anugerah Digital semasa Majlis Anugerah Pahang 1st pada 29 Disember 2022. Ianya adalah periktirafan peringkat tertinggi bagi pelaksanaan program pendigitalan agensi di Negeri Pahang.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menerima replika dan sijil kemenangan

7.0 PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR)

Sepanjang tahun 2022, PKNP telah melaksanakan pelbagai program CSR yang terdiri daripada aktiviti sukarelawan pasca banjir, bantuan tunai, bantuan peralatan sekolah, program komuniti.

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1	Misi Bantuan Sukarelawan Pasca Banjir Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Ke Luar Negeri Pahang	Januari 2022	Segamat
2	Kerjasama Dengan Program Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Kuantan - Pembekalan & Pemasangan Papan Tanda Jalan	Januari 2022	Kuantan
3	Misi Bantuan Sukarelawan Pasca Banjir Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Ke Luar Negeri Pahang	Mac 2022	Hulu Terengganu
4	Program Teras - Program Ramah Mesra Bersama Penduduk Kg Padang	Nov 2022	Kg, Padang, Kuantan
5	Program Teras - Sumbangan Pack Food Kepada Penduduk Jpkk Nenasi, Pekan	Nov 2022	Pekan, Pahang
6	Program Teras - Majlis Ramah Mesra Di Kg Damak	Nov 2022	Jerantut, Pahang
7	Program Teras - Mengecat Tembok Balai Raya Dan Kawasan Perkuburan Jpkk Kg. Nenasi	Nov 2022	Pekan, Pahang



Misi Sukarelawan Pasca Banjir di Segamat, Johor



Program Mengecat Tembok Balai Raya dan Kawasan Perkuburan di Kg. Nenasi, Pekan

8.0 PENCAPAIAN GEMAPUTERA XVI TERENGGANU 2022

Temasya Sukan Gemaputera XVI Terengganu 2022 telah diadakan pada 23 - 26 November 2022 di Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. PKNP telah menyertai 6 acara dari 8 acara yang dipertandingkan iaitu Tenpin Bowling, Golf, Futsal, Bola Jaring, Karom, dan Badminton.

PKNP telah meraih tempat ke - 7 keseluruhan daripada 14 buah Perbadanan Ekonomi seluruh Malaysia yang bertanding. Pencapaian terbaik PKNP adalah dari pasukan bola jaring wanita berkumpulan yang meraih tempat ke - 2.




Pasukan tenpin bowling pula meraih tempat ketiga bagi kategori double lelaki. Manakala pasukan golf pula meraih tempat ketiga berkumpulan dan tempat tempat kedua bagi kategori individu lelaki melalui Ku Sukiman bin Ku Ali.

KALENDAR TAHUN 2022

01
JANUARI

Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2022 PKNP di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum pada 3 Januari 2022 secara dalam talian.



Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan Puspanita PKNP serah sumbangan Tabung Bencana Banjir pada 8 Januari 2022.

Realistic Attraction Sdn Bhd salah satu anak syarikat PKNP memenangi anugerah Organisation for Business Development of Craft Sector pada 10 Januari 2022.



20 orang sukarelawan banjir PKNP sertai program bantuan banjir kerajaan Negeri Pahang di Segamat, Johor pada 13 dan 14 Januari 2022.

Kunjungan Hormat Pengarah MPC Wilayah Timur ke PKNP pada 17 Januari 2022.



KALENDAR TAHUN 2022

01 JANUARI

- Program Jalinan Kasih Bersama Usahawan di Tapak Gerbang Santai pada 20 Januari 2022.

- Duta Jerman ke Malaysia melakukan kunjungan hormat ke PKNP pada 24 Januari 2022.



- PKNP sertai Bengkel Perkasa Wanita Pahang pada 28 Januari 2022.



- Kayuhan Ukhwah PKNP bersama PMINT kukuhkan jalinan kasih pada 29 Januari 2022.

02 FEBRUARI

- Kejohanan Boling Trio antara Jabatan Maksak Pahang pada 13 Februari 2022

- Lawatan kerja ke Smartglove Healthcare Sdn Bhd pada 14 Februari 2022

KALENDAR TAHUN 2022

02
FEBRUARI



Kursus Pemahaman dan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2015 pada 17 Februari 2022.

Kunjungan Hormat Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands ke PKNP pada 17 Februari 2022



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP merasmikan Mesyuarat Agung Dwitahunan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan Tabung Khairat Kematian Kumpulan PKNP kali ke - 18 sesi 2022/2023 pada 22 Februari 2022.

KALENDAR TAHUN 2022

02
FEBRUARI

Pengkongsian Ilmu Teknik Viral Media Sosial Dalam Menjana Pendapatan Usahawan pada 24 Februari 2022.



- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Encik Mohd Razif bin Abdul Malek bersama - sama Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman menghadiri Majlis Makan Malam Jaringan Industri bersama Malaysian Investment Development Authority (MIDA) pada 28 Februari 2022.

03
MAC



- Pasukan Bola Jaring PKNP rangkul tempat kedua dalam Kejohanan Bola Jaring Antara Jabatan Kerajaan pada 13 Mac 2022.

- 5 orang peserta Eksekutif Pelatih (EP) telah melengkapkan pembentangan kajian individu dalam Program Eksekutif Pelatih PKNP pada 23 Mac 2022.



KALENDAR TAHUN 2022

03
MAC

▶ Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yasin PKNP telah diadakan pada 25 Mac 2022.



▶ Program Bimbingan Perniagaan 'Bizclinic' anjuran Institut Keusahawanan Negara (INS-KEN) dengan kerjasama PKNP pada 30 Mac 2022.

▶ Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dianugerahkan Productivity Champion pada 31 Mac 2022.



04
APRIL



▶ Kursus Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah dan Kualiti yang telah dilaksanakan selama pada 31 Mac 2022 hingga 1 April 2022 di Dewan Seminar EDC, Kompleks Teruntum.

KALENDAR TAHUN 2022

04
APRIL



Tazkirah Ramadan PKNP - Menggapai Barakah Ramadan pada 4 April 2022.

Majlis Berbuka Puasa PKNP Bersama YAB. Menteri Besar Pahang serta penyampaian sumbangan kepada Maahad Tahfiz Ar - Rushd pada 5 April 2022.



Sumbangan Ramadan 1443H Kelab Keluarga Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang kepada Ahli Kelab pada 6 April 2022.

KALENDAR TAHUN 2022

04
APRIL

YAB. Menteri Besar Pahang mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP dan Menghadiri Majlis Berbuka Puasa PKNP pada 11 April 2022.



Program Memacu Talent dan Start Up Yayasan Pahang melalui ekosistem Beyond4 pada 24 April 2022.

Kunjungan Hormat Gas Malaysia Berhad kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP pada 24 April 2022



Program memasak Bubur Lambuk PKNP 2022 pada 25 April 2022

Majlis Khatam Al - Quran PKNP kali ke - 15 telah diadakan dengan jayanya pada 26 April 2022



KALENDAR TAHUN 2022

05
MEI

1 Mei 2022, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua muslimin dan muslimat.



London Craft Week telah diadakan pada 10 Mei 2022.

Seramai 29 pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional PKNP telah menghadiri kursus Audit Dalaman ISO 9001 : 2015 dan ISO 37001 : 2016 bermula pada 9 Mei sehingga 11 Mei 2022 di Dewan seminar EDC, Kompleks Teruntum.

PKNP lunas hutang Cimb Islamic Bank Berhad berjumlah RM 200 juta pada 25 Mei 2022.



Majlis Hari Raya Aidilfitri Kumpulan PKNP telah diadakan pada 25 Mei 2022.

KALENDAR TAHUN 2022

05
MEI



▶ Lawatan tapak lombong PKNP bersama Pemangku Raja Pahang pada 26 Mei 2022.

▶ Program Transpreneur PKNP di komuniti daerah Bera pada 27 Mei 2022.



06
JUN



▶ Majlis Persaraan dan Anugerah Cemerlang Anggota Pekerja PKNP 2021 telah diadakan pada 2 Jun 2022.

▶ Sesi Libat Urus SIRIM Bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang pada 10 Jun 2022.

KALENDAR TAHUN 2022

06
JUN



- Kursus Latihan Pengendalian Bot dan Asas Menyelamat di Air Skuad Bencana Banjir pada 15 - 16 Jun 2022

- Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad kali ke - 28 pada 19 Jun 2022

- Lawatan Pengerusi Puspanita Pahang Ke Pusat Tenun Sungai Soi, Kuantan pada 24 Jun 2022

- Kejohanan Boling Tertutup Kelab Keluarga Kumpulan PKNP di Premium Lanes, Kuantan Plaza pada 22 hingga 25 Jun 2022



- Kunjungan Hormat Human Resource Development Corporation (Hrd Corp) ke Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang pada 30 Jun 2022

KALENDAR TAHUN 2022

07
JULAI

Sesi UAT dan latihan untuk menaik taraf laman sesawang invest Pahang pada 29 Jun hingga 1 Julai 2022



- Mesyuarat dan sesi perbentangan oleh pihak Instrak Venture Capital Berhad (INTRAKVC) bagi cadangan pembangunan 'Smart Cities I.R 4.0' di Negeri Pahang pada 8 Julai 2022



- Kunjungan Hormat Polyplastic Asia Pasific (Jepun) ke PKNP pada 22 Julai 2022

- Setinggi - tinggi tahniah diucapkan kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana telah dilantik sebagai Pro Canselor 1 Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) pada 25 Julai 2022

- Merafak Sembah dan Setinggi - tinggi Ucapan Tahniah sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke - 63 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 30 Julai 2022 bersamaan 1 Muharram 1444 Hijrah

KALENDAR TAHUN 2022

08
OGOS

Merafak Sembah dan Setinggi - tinggi Ucapan Tahniah sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke - 62 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong pada 5 Ogos 2022 bersamaan 7 Muharram 1444 hijrah

PKNP sertai Pahang State - GLC CEOs Conference pada 19 Ogos 2022



PKNP sertai majlis Pelancaran Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang pada 27 Ogos 2022

Majlis Pecah tanah Projek PPD Panching Milik PKNP pada 28 Ogos 2022



Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Yang ke - 65 pada 31 Ogos 2022

KALENDAR TAHUN 2022

08
OGOS

▶ PKNP sertai perarakan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Pahang pada 31 Ogos 2022



09
SEPTEMBER

▶ Pasukan Boling PKNP bersiap sedia untuk Gemaputera 2022



▶ Kunjungan Hormat Pengarah Projek MIGHT ke PKNP pada 12 September 2022

▶ Kunjungan Hormat Pengarah Penyiaran Pahang ke PKNP pada 14 September 2022



KALENDAR TAHUN 2022

09
SEPTEMBER



Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus ke PKNP pada 14 September 2022

Merafak sembah dan setinggi - tinggi Sembah Tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah ibni AL - Sultan Abdullah Ri'ayatuddin AL - Mustafa Billah Shah sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke - 27 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 17 September 2022 bersamaan 20 Safar 1444H

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dijemput menyampaikan ceramah di UTM, Skudai, Johor pada 29 September 2022



10
OKTOBER

Selamat Ulang Tahun Kelahiran ke - 64 kepada YAB. Menteri Besar Pahang, selaku Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) pada 1 Oktober 2022

PKNP Juara Kejohanan Sukan Rakyat antara jabatan pada 1 Oktober 2022

KALENDAR TAHUN 2022

10
OKTOBER



➤ Majlis Pelancaran Projek Kilang Industri Pertahanan (Kilang Peluru Ketch Asia) di Kawasan Kechau Tui, Daerah Lipis, Pahang pada 16 Oktober 2022

➤ Setiausaha Kerajaan Pahang Lawat Rumah Rehat Raub pada 16 Oktober 2022



➤ Ziarah Prihatin Kepada Bekas Anggota Pekerja PKNP pada 18 Oktober 2022

➤ PKNP bawa pulang anugerah antarabangsa di Okhla, New Delhi, India pada 23 Oktober 2022



KALENDAR TAHUN 2022

11
NOVEMBER



YAB. Menteri Besar Pahang bertemu Anggota Pekerja PKNP pada 3 November 2022

Setiausaha Kerajaan Pahang Lawat Rumah Kursus Team Building PKNP telah diadakan bermula 7 hingga 9 November 2022 Rehat Raub pada 16 Oktober 2022



Hari Inovasi PKNP 2022 penuh matlamat membudayakan inovasi di PKNP pada 16 hingga 17 November 2022

Selamat Maju Jaya kepada Kontijen PKNP ke Sukan Gemaputera Kali ke - 16 Terengganu bermula 23 hingga 26 November 2022



KALENDAR TAHUN 2022

12
DISEMBER



Majlis Persaraan Anggota Pekerja PKNP pada 8 Disember 2022

Taklimat Jualan Murah @De-Dagang (Lazada), Instantestore dan Kursus Tik Tok Shop pada 14 Disember 2022



Private Viewing Tenun Pahang Diraja di Ac Hotel By Marriott pada 16 Disember 2022

PKNP berjaya mengekalkan Persijilan Semula Audit MS ISO 9001 : 2015 pada 15 dan 16 Disember 2022

Majlis menandatangani perjanjian pajakan di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan MHT Silica Sdn. Bhd. pada 27 Disember 2022



KALENDAR TAHUN 2022

12
DISEMBER



Program Derma Darah bantu selamatkan nyawa pada 28 Disember 2022

PKNP Rangkul Emas Anugerah Pentadbiran Cemerlang Sektor Perkhidmatan dalam Majlis Anugerah Pahang 1st 2022 yang diadakan pada 29 Disember 2022



Program Naziran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang ke PKNP pada 30 Disember 2022



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 58.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

- a. Merujuk kepada Nota 9 Kepada Penyata Kewangan, termasuk dalam Pelaburan Lain adalah pelaburan saham tak tersiarharga di Perbadanan Nasional Berhad sejumlah RM1 juta. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah mengiktiraf belanja rosot nilai sejumlah RM998,194 walaupun nilai aset ketara bersih Perbadanan Nasional Berhad mengikut pegangan saham berjumlah RM1.80 juta melebihi kos pelaburan tersebut. Pelaburan tersebut tidak perlu dirosot nilai kerana nilai aset ketara bersih pelaburan yang melebihi kosnya menunjukkan tiada bukti objektif bagi penjejasan nilai pelaburan ini selaras dengan MPSAS 29 – Instrumen Kewangan.
- b. Merujuk kepada Nota 7 Kepada Penyata Kewangan, termasuk dalam Urusniaga Pertukaran Belum Terima adalah penghutang perdagangan bagi sewa tanah industri dan penswastaaan perlombongan sejumlah RM10.4 juta. Polisi perakaunan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menetapkan tunggakan melebihi enam bulan dan tidak aktif sahaja yang diperuntukkan hutang ragu. Bagaimanapun, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah mengiktiraf peruntukan hutang ragu termasuk amaun penghutang yang aktif dan tunggakan berusia kurang daripada enam bulan berjumlah RM3.67 juta.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan

penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan;

- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Perbadanan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- i. Sistem perakaunan yang digunakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang perlu ditambah baik bagi mengatasi kelemahan dalam merekodkan Hartanah, Loji dan Peralatan serta Penghutang kerana amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan tidak tepat.
- ii. Semakan terhadap juruakaun perlu ditingkatkan bagi memastikan pembentangan dan pendedahan penyata kewangan disediakan dengan tepat dan betul selaras dengan kehendak MPSAS.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 NOVEMBER 2023



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**


Kandungan	Muka surat
Penyata Ahli Perbadanan	1
Akaun Berkanun	2
Penyata Kedudukan Kewangan	3 - 4
Penyata Prestasi Kewangan	5
Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti	6
Panyata Aliran Tunai	7 - 10
Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar	11 - 12
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	13 - 58

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

Penyata Ahli Perbadanan

Kami, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, dua daripada Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 58 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Perbadanan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan Kumpulan dan Perbadanan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Perbadanan menurut resolusi Ahli Perbadanan



Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
Pengerusi



Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuantan

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

Akuan Berkanun

Saya, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, dengan sesungguhnya dan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 58, pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.




Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

Di : Kuantan

Pada : **20 SEP 2023**

Di hadapan saya :


Pesuruhjaya Sumpah



**No.B 9. Tingkat Bawah,
Bangunan Arked MARA JAYA GADING
KM 12, 26070 Kuantan
Pahang Darul Makmur**

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Kedudukan Kewangan
pada 31 Disember 2022**

		Kumpulan		Perbadanan	
		2022	2021	2022	2021
NOTA		RM	RM	RM	RM
(Dinyatakan Semula)					
ASET					
Aset semasa					
Simpanan tetap, tunai dan baki di bank	5	46,945,787	59,876,332	27,741,506	42,268,992
Inventori	6	152,841,177	107,359,657	150,029,968	101,147,730
Urus niaga pertukaran belum terima	7	105,477,696	99,183,096	148,651,965	147,541,608
Penghutang pelbagai dan pebelanjaan terdahulu	8	6,259,523	9,401,778	2,322,458	15,675,271
Pelaburan lain	9	-	10	-	10
Kos pembangunan hartanah	10	200,689,799	251,249,475	184,158,852	238,009,248
Cukai Semasa		1,812,973	-	1,896,084	-
Jumlah aset semasa		514,026,955	527,070,348	514,800,833	544,642,859
Aset bukan semasa					
Aset cukai tertunda	11	147,672	149,423	-	-
Pelaburan lain	9	43,487,581	57,687,292	43,073,029	57,275,927
Kos pembangunan hartanah	10	32,340,078	37,446,078	-	-
Tanah untuk Pembangunan	12	25,861,496	33,057,349	25,861,496	33,057,349
Subsidiari	13	-	-	24,164,552	18,642,966
Syarikat bersekutu	14	93,942,129	97,204,145	39,212,937	37,238,481
Hartanah, loji dan peralatan	15	45,259,032	43,263,835	3,776,084	3,994,949
Aset biologi	16	40,771,621	41,244,351	-	-
Hartanah pelaburan	17	126,815,534	103,040,047	122,425,899	100,217,927
Jumlah aset bukan semasa		408,625,143	413,092,520	258,513,997	250,427,599
Jumlah aset		922,652,098	940,162,868	773,314,830	795,070,458
TOLAK : LIABILITI					
Liabiliti semasa					
Liabiliti cukai semasa		-	6,589,407	-	6,524,795
Urus niaga pertukaran belum dibayar	18	7,765,319	7,506,513	2,181,187	2,875,774
Pemiutang pelbagai dan akruan	19	129,491,090	131,910,652	102,959,340	101,362,305
Pinjaman berjangka	20	14,485,580	35,355,840	10,152,197	30,073,085
Pinjaman kerajaan	21	8,865,931	12,722,886	8,865,931	12,722,886
Manfaat pekerja	22	812,080	1,055,229	812,080	1,055,229
Jumlah liabiliti semasa		161,420,000	195,140,527	124,970,735	154,614,074

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Penyata Kedudukan Kewangan
pada 31 Disember 2022 (sambungan)

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
(Dinyatakan Semula)				
Liabiliti bukan semasa				
Pinjaman berjangka	20	38,880,737	41,513,082	-
Pinjaman kerajaan	21	124,994,044	134,876,297	124,994,044
Akaun amanah	23	3,009,376	4,449,000	3,009,376
Pendapatan tertunda	24	163,549,235	162,525,196	163,549,235
Liabiliti cukai tertunda	11	2,602,290	971,677	99,897
Manfaat pekerja	22	1,203,751	1,107,915	1,107,915
Jumlah liabiliti bukan semasa		334,239,433	345,443,167	292,856,303
Jumlah liabiliti		495,659,433	540,583,694	417,827,038
Aset bersih		426,992,665	399,579,174	355,487,792
EKUITI				
Modal dan rizab				
Pemberian kerajaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000
Simpanan modal	25	1,969,101	1,969,101	1,969,101
Keuntungan terkumpul		422,523,564	395,110,073	351,018,691
Jumlah ekuiti		426,992,665	399,579,174	355,487,792

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Penyata Prestasi Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
		2022	2021	2022	2021
		RM	RM	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)			
Hasil :					
Hasil daripada urus niaga pertukaran	26	137,090,975	149,423,539	101,910,437	116,695,000
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran	26	20,776,018	85,921,031	21,586,675	88,943,031
Kos jualan		(42,105,483)	(45,881,945)	(20,382,703)	(28,274,239)
Keuntungan kasar		115,761,510	189,462,625	103,114,409	177,363,792
Pendapatan lain	27	895,285	859,046	-	-
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(24,524,360)	(22,558,394)	(18,852,302)	(16,309,264)
Perbelanjaan lain		(41,176,007)	(13,220,060)	(50,866,410)	(14,509,809)
Keuntungan daripada operasi	28	50,956,428	154,543,217	33,395,697	146,544,719
Kos kewangan	30	(4,797,426)	(5,191,133)	(3,990,407)	(4,085,489)
Bahagian kerugian syarikat bersekutu		(5,236,472)	(912,997)	-	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		40,922,530	148,439,087	29,405,290	142,459,230
Cukai	31	(12,509,039)	(19,582,538)	(10,287,363)	(17,927,658)
Zakat		(1,000,000)	-	(1,000,000)	-
Keuntungan bersih bagi tahun		27,413,491	128,856,549	18,117,927	124,531,572

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan modal (Nota 25) RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Kumpulan				
Pada 1 Januari 2021				
- seperti dinyatakan sebelumnya	2,500,000	1,969,101	266,955,531	271,424,632
- pelarasan tahun terdahulu	-	-	(702,007)	(702,007)
Seperti dinyatakan semula	2,500,000	1,969,101	266,253,524	270,722,625
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	128,856,549	128,856,549
Pada 31 Disember 2021	2,500,000	1,969,101	395,110,073	399,579,174
Pada 1 Januari 2022	2,500,000	1,969,101	395,110,073	399,579,174
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	27,413,491	27,413,491
Pada 31 Disember 2022	2,500,000	1,969,101	422,523,564	426,992,665
Perbadanan				
Pada 1 Januari 2021	2,500,000	1,969,101	208,369,192	212,838,293
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	124,531,572	124,531,572
Pada 31 Disember 2021	2,500,000	1,969,101	332,900,764	337,369,865
Pada 1 Januari 2022	2,500,000	1,969,101	332,900,764	337,369,865
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	18,117,927	18,117,927
Pada 31 Disember 2022	2,500,000	1,969,101	351,018,691	355,487,792

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
	(Dinyatakan Semula)			
Aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai	40,922,530	148,439,087	29,405,290	142,459,230
Pelarasan item tidak berkaitan dengan pergerakan aliran tunai :				
Hartanah, loji dan peralatan				
- susutnilai	1,572,738	1,047,895	522,494	492,309
- keuntungan atas pelupusan	-	(242)	-	-
Pelunasan ladang matang Hartanah pelaburan	1,917,150	1,746,976	-	-
- susutnilai	2,785,390	2,472,065	2,722,185	2,421,964
- (keuntungan) / kerugian atas pelupusan	1,087,547	-	1,087,547	-
Hutang ragu pulih semula	(6,342,164)	-	(6,342,164)	3,697,076
Manfaat pekerja	892,566	153,129	892,566	153,129
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan	(4,211)	-	(17,100)	-
Perbelanjaan faedah	3,917,322	-	3,917,322	4,085,489
Pendapatan dividen	(7,152,094)	-	(7,254,594)	(5,114,583)
Pendapatan faedah	(2,577,915)	-	(2,577,915)	(673,618)
Pendapatan tertunda	-	(65,898,674)	-	(65,898,674)
Peruntukan rosotnilai dalam pelaburan anak syarikat	-	-	-	(2,989,870)
Rosot nilai pulih semula				
- pelaburan lain	-	(200,011)	-	-
Rosot nilai pulih semula				
- pelaburan anak syarikat	-	-	(521,586)	-
Rosot nilai pulih semula				
- syarikat bersekutu	(1,200,456)	(10,639,565)	(1,200,456)	-
<i>Baki dibawa ke hadapan</i>	35,818,403	77,120,660	20,633,589	78,632,452

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
	(Dinyatakan Semula)			
Aktiviti operasi (sambungan)				
<i>Baki dihantar ke hadapan</i>	35,818,403	77,120,660	20,633,589	78,632,452
Peruntukan rosotnilai dalam pelaburan syarikat bersekutu	-	-	-	(10,639,565)
Peruntukan rosotnilai pelaburan lain	13,428,898	-	13,428,898	(199,999)
Bahagian kerugian dari syarikat bersekutu	5,236,472	912,997	-	-
Pelarasan	-	171,920	-	-
Keuntungan atas nilai saksama ekuiti	(1,880)	-	-	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	54,481,893	78,205,577	34,062,487	67,792,888
Perubahan modal kerja :				
Tanah untuk pembangunan	(11,961,574)	(78,219)	(11,961,574)	(78,219)
Kos pembangunan hartanah (Tambahan)/ Kurangan dalam inventori	55,166,527	1,413,924	53,351,247	530,478
Tambahan dalam urusanniaga pertukaran belum diterima	(51,042,936)	15,942,018	(54,443,654)	17,235,883
Kurangan dalam penghutang pelbagai dan perbelanjaan terdahulu	59,071	(66,116,492)	5,231,807	(67,337,124)
Tambahan/ (Kurangan) dalam urusanniaga pertukaran belum dibayar	2,412,976	1,298,253	12,623,534	1,385,956
(Kurangan)/ Tambahan dalam pemiutang pelbagai dan akruan	258,806	(598,078)	(694,587)	99,184
	(3,396,225)	38,391,701	620,372	36,133,550
Tunai daripada operasi	45,978,538	68,458,684	38,789,632	55,762,596

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
	(Dinyatakan Semula)			
Aktiviti operasi (sambungan)				
Cukai dibayar	(18,549,776)	(19,247,268)	(18,007,177)	(17,278,661)
Maafaat pekerja dibayar				
- Gantian Cuti Rehat	(128,228)	-	(128,228)	-
Maafaat pekerja dibayar				
- Lain-lain Manfaat	(911,651)	-	(911,651)	-
Aliran tunai bersih				
daripada aktiviti operasi	26,388,883	49,211,416	19,742,576	38,483,935
Aktiviti pelaburan				
Pembelian hartanah, loji				
dan peralatan	(5,509,481)	(156,448)	(303,629)	(116,563)
Perolehan daripada jualan				
hartanah, loji dan peralatan	17,100	3,798	17,100	-
Pindahan ke hartanah, loji				
dan peralatan	4,999,838	-	-	-
Penambahan dalam aset biologi	(4,527,108)	(6,394,556)	-	-
Pembelian hartanah pelaburan	(1,630,720)	(3,469,873)	-	(1,711,829)
Tambahan pelaburan dalam				
syarikat subsidiari	-	-	(5,000,000)	-
Perolehan daripada pelupusan				
hartanah pelaburan	201,000	-	201,000	-
Akaun amanah	(1,439,624)	-	(1,439,624)	-
Pendapatan dividen	7,152,094	-	7,254,594	5,114,583
Pendapatan faedah	18,107	-	18,107	673,618
Faedah dibayar	(3,990,407)	-	(3,990,407)	(4,085,489)
Tambahan pelaburan dalam sukuk	(1,307)	-	-	-
Tambahan pelaburan	-	(68,788)	-	-
Aliran tunai bersih				
digunakan dalam				
aktiviti pelaburan	(4,710,508)	(10,085,867)	(3,242,859)	(125,680)

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Penyata Aliran Tunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)

NOTA	Kumpulan		Perbadanan	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
	(Dinyatakan Semula)			
Aktiviti pembiayaan				
Pembayaran liabiliti sewa beli	(119,731)	(120,070)	-	-
Penerimaan pinjaman luar	10,152,197	-	10,152,197	-
Pembayaran pinjaman berjangka	(32,889,504)	(27,231,637)	(30,000,000)	(30,074,374)
Pembayaran pinjaman kerajaan	(11,179,400)	(5,068,568)	(11,179,400)	(5,068,568)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/ daripada aktiviti pembiayaan	(34,036,438)	(32,420,275)	(31,027,203)	(35,142,942)
Pengurangan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	(12,358,063)	6,705,274	(14,527,486)	3,215,313
Baki tunai dan bersamaan tunai				
- pada awal tahun	56,535,899	49,830,625	42,268,992	39,053,679
- pada akhir tahun	5 44,177,836	56,535,899	27,741,506	42,268,992

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

	Prestasi Sebenar RM	Bajet RM	Perbezaan RM
Hasil	110,241,834	61,599,887	48,641,947
Kos jualan	(16,630,407)	(10,516,332)	(6,114,075)
Keuntungan kasar	93,611,427	51,083,555	42,527,872
Pendapatan lain	9,813,691	2,072,013	7,741,678
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi	(19,564,565)	(18,238,376)	(1,326,189)
Perbelanjaan lain	(53,691,938)	(25,078,881)	(28,613,057)
Keuntungan daripada operasi	30,168,615	9,838,311	20,330,304
Kos kewangan	(763,326)	(519,865)	(243,461)
Keuntungan sebelum cukai	29,405,289	9,318,446	20,086,843
Cukai	(10,287,363)	(1,598,076)	(8,689,287)
Zakat	(1,000,000)	(800,000)	(200,000)
Keuntungan/(Kerugian) selepas cukai	18,117,926	6,920,370	11,197,556

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

Nota kepada Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar

1. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula 1 January 2022 hingga 31 Disember 2022.
2. Bajet Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi tahun 2022 telah diluluskan oleh Ahli Perbadanan pada 7 Disember 2021 melalui Mesyuarat Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bi. 4/2021 sepertimana yang diperlukan di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bil. 12/1965 Para 17A (2).
3. Lebihan pendapatan sebenar sebanyak RM48,641,947 adalah disebabkan penjualan tanah kawasan industri Gebeng 3 (III) dan pendapatan pampasan Kawasan Industri Gebeng 4 yang tidak dibajetkan pada tahun 2022.
4. Lebihan belanja secara keseluruhan sebanyak RM30,182,707 adalah daripada belanja skim insentif pekerja yang terkurang peruntukan, perbelanjaan faedah pinjaman luar bagi pinjaman baru yang tidak dibajetkan dan perbelanjaan rosot nilai pelaburan serta hutang ragu yang tidak dibajetkan.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

1. Maklumat am

(a) Perbadanan

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (Perbadanan atau PKNP) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di Negeri Pahang Darul Makmur di bawah Enakmen Lembaga Kemajuan Negeri Pahang, 1965.

(b) Kegiatan utama

Kegiatan utama Kumpulan ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan, mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, memberi khidmat pengurusan, pemegang pelaburan, menyewa, menjual dan mengurus hartanah, perkhidmatan bot dan feri, penjualan pasir, perniagaan hotel, pengendalian projek-projek pembinaan, penjualan bahan-bahan binaan serta menjadi kontraktor pembinaan dan pengurusan projek-projek.

Kegiatan utama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan dan mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan utama Perbadanan juga termasuk membangunkan tanah-tanah untuk perindustrian, perumahan dan perkedaian, hartanah dan aktiviti pelaburan.

2. Asas penyediaan penyata kewangan

(a) Entiti dan tempoh pelaporan

Tempoh pelaporan untuk penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian dan pelaporan Kumpulan dan Perbadanan.

(b) Penyata pematuhan

Penyata kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

2. Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

(b) Penyata pematuhan (sambungan)

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan MPSAS yang masih lagi dalam tempoh peralihan. Pada tahun 2019 dan sebelumnya, penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja MPSAS adalah 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif terhadap maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Perbadanan pada 31 Disember 2019, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan Perbadanan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan ini telah disediakan berdasarkan peruntukan tempoh peralihan mengikut MPSAS 33 : Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (spesifik SPANM 11/2017) yang dikeluarkan JANM.

Kumpulan dan Perbadanan telah menggunakan peruntukan bagi pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini.

(i) Pendedahan bagi Hartanah Pelaburan

Dalam tahun semasa, Perbadanan tidak mendedahkan sepenuhnya maklumat berkaitan hartanah pelaburan.

Pemakaian MPSAS 16, Perenggan 86 hingga Perenggan 90 menghendaki Perbadanan untuk mendedahkan amaun yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan bagi hasil sewa, belanja operasi langsung bagi hartanah pelaburan yang menjana dan tidak menjana hasil sewa.

(ii) Pendedahan bagi Kepentingan dalam Entiti Lain

Dalam tahun semasa, Perbadanan tidak mendedahkan secara terperinci maklumat dalam entiti bersekutu.

Pemakaian MPSAS 38 PA (Panduan Aplikasi) 12 dan PA 16 menghendaki Perbadanan untuk mendedahkan maklumat kewangan bagi entiti bersekutu yang material dan juga tidak material.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

2. Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

(b) Penyata pematuhan (sambungan)

Kumpulan dan Perbadanan memilih untuk mengguna pakai peruntukan bagi pengecualian bagi perkara-perkara di atas yang membenarkan Perbadanan tidak menggunakan MPSAS bagi tempoh tiga tahun dari tarikh Perbadanan menerima pakai MPSAS. Perbadanan akan mengguna pakai sepenuhnya MPSAS bagi perkara di atas selepas penilaian bagi nilai semasa dibuat atau selepas berakhirnya tempoh pengecualian yang dibenarkan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan.

(c) Pertimbangan dan anggaran

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh sama hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia akan didedahkan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara yang dianggap penting bagi penyata kewangan.

(a) Asas penyatuan

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti yang dikawal oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Kawalan wujud apabila Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah syarikat untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Subsidiari-subsidiari adalah disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan.

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan kesemua subsidiarinya yang dinyatakan di Nota 13 kepada penyata kewangan. Syarikat-syarikat yang diambilalih dan dilupuskan sepanjang tahun diambil kira dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh pengambilalihan atau tarikh pelupusan. Urus niaga di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan subsidiarinya telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urus niaga dengan pihak ketiga sahaja.

Lebih harga belian atas nilai saksama aset-aset bersih subsidiari-subsidiari pada tarikh pengambilalihan diambil kira dalam lembaran imbangan disatukan sebagai muhibah atau rizab dari penyatuan. Muhibah atau rizab dari penyatuan dilunaskan sepanjang tempoh 10 tahun.

(b) Syarikat-syarikat bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia mempunyai pengaruh penting melalui perwakilan pengurusan.

Pengkongsian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu telah diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dicampur perkongsian Kumpulan dalam keuntungan terkumpul selepas pengambilalihan dan rizab.

(c) Pelaburan dalam Subsidiari-subsidiari dan Syarikat-syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan. Akaun-akaun Kumpulan mengandungi bahagian Kumpulan dalam hasil kesemua syarikat bersekutu yang ditunjukkan dalam Nota 14 berdasarkan akaun-akaun terbaru yang telah diaudit.

Penjejasan ditentukan berasaskan perbezaan nilai terendah kos dibandingkand engan nilai pasaran (berdasarkan penentuan nilai oleh Perunding yang telah dilantik).

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(d) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Kumpulan tidak mempunyai polisi penilaian semula bagi hartanah, loji dan peralatan melainkan polisi penilaian semula yang diamalkan oleh subsidiari-subsidiari tertentu Kumpulan di mana penilaian semula dibuat sekurang-kurangnya satu kali setiap lima tahun berdasarkan penilaian oleh penilai bebas yang berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan daripada penilaian semula dikreditkan ke ekuiti sebagai lebihan penilaian semula; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama yang telah diiktiraf sebagai perbelanjaan, di mana pertambahan diiktiraf dalam penyata pendapatan setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini. Pengurangan dalam penilaian semula akan diselaraskan dengan pertambahan daripada penilaian awal bagi aset yang sama dan selebihnya diiktiraf sebagai perbelanjaan. Apabila hartanah, loji dan peralatan yang dinilai semula dilupuskan, lebihan penilaian semula berkenaan yang tinggal dalam rizab penilaian semula dipindahkan ke keuntungan terkumpul.

Susutnilai tidak diperuntukkan ke atas tanah milik bebas, tanah untuk pembangunan dan pembangunan dalam proses. Stok asas tidak disusutnilai dan dipermodalkan pada tahap minima untuk operasi biasa. Tambahan dan penggantian stok asas dimansuhkan dalam tahun perolehan. Untuk lain-lain hartanah, loji dan peralatan, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	10 - 99 tahun
Tanah dan bangunan siap	1½%-12%
Infrastruktur	20%
Kenderaan bermotor, loji dan mesin	10% - 25%
Perabot, kelengkapan, peralatan dan ubahsuai pejabat	10% - 33 1/3%
Peralatan penyelenggaraan hotel dan peralatan dapur	10%

Aset bernilai rendah (tidak melebihi RM2,000) akan diiktiraf sebagai aset dan akan dicaj 100% susut nilai dalam tahun pengiktirafan.

Stok asas terdiri daripada pinggan-mangkuk, barangan kaca, sudu, garpu dan linen. Stok asas dipermodalkan pada keperluan minima untuk operasi biasa. Tambahan dan penggantian dimansuhkan dalam tahun perolehan.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(e) Tanah untuk pembangunan

Tanah untuk pembangunan adalah tanah yang tiada aktiviti pembangunan dijalankan ke atasnya atau aktiviti pembangunan yang tidak dapat dijangka tempoh masa untuk disiapkan dalam masa kitaran kendalian biasa. Ianya dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa dan dinyatakan pada harga kos ditolak penjejasan nilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan dikelaskan sebagai Kos Pembangunan sekiranya aktiviti pembangunan mula dijalankan dan apabila tempoh masa bagi aktiviti pembangunan dapat dijangka akan siap dalam masa kitaran kendalian biasa.

(f) Aset biologi

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada kos pembersihan tanah, penjagaan pokok belum matang, kos pentadbiran semasa pra-tanaman sehingga tarikh matang tanaman adalah dipermodalkan di bawah aset biologi dan tidak dilunaskan. Apabila mencapai tempoh matang, segala perbelanjaan penyelenggaraan berikutnya akan diambilkira ke dalam penyata untung atau rugi. Perbelanjaan penanaman semula ke atas tanaman yang sama di tanah asal akan diambilkira di dalam penyata untung atau rugi bagi tahun kewangan di mana ia berlaku.

Pelunasan atas ladang matang diambilkira dengan menghapuskan kos dengan ansuran tahunan selama 22 tahun selepas ladang tersebut diisytiharkan matang.

(g) Hartanah pelaburan

Pelaburan hartanah adalah harta yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk penghargaan modal atau kedua-duanya daripada untuk digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran, atau penjualan dalam urusan biasa perniagaan. Pelaburan hartanah termasuk pelaburan hartanah yang sedang dibina atau dibangunkan untuk kegunaan masa depan sebagai pelaburan hartanah. Hartanah sedemikian pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos transaksi. Pelaburan hartanah dalam pembinaan dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Susut nilai dikira untuk menghapuskan jumlah pelaburan hartanah yang boleh disusut nilai berdasarkan kaedah garis lurus ke atas nilai anggarannya daripada kos harta pelaburan.

Pelaburan hartanah tidak diiktiraf apabila sama ada ia telah dilupuskan atau apabila harta pelaburan ditarik balik secara kekal dari penggunaan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian atas persaraan atau pelupusan pelaburan hartanah diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian dalam tahun persaraan atau pelupusan.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(g) Hartanah pelaburan (sambungan)

Pindahan dilakukan kepada atau daripada pelaburan hartanah hanya apabila terdapat perubahan penggunaan.

(h) Penjejasan aset bukan kewangan

Jumlah nilai dibawa aset, selain daripada pelaburan hartanah, aset kontrak pembinaan, kos pembangunan hartanah dan inventori dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbalan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang aset telah mengalami penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, jumlah yang boleh diperoleh daripada aset dianggarkan berdasarkan jumlah kerugian penjejasan.

Bagi muhibah, nilai yang boleh diperoleh dianggarkan pada setiap tarikh lembaran imbalan atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai dibawa mungkin mengalami kerugian penjejasan.

Bagi tujuan menguji penjejasan aset, nilai boleh diperoleh adalah berdasarkan asas aset individu melainkan aset tidak menjana aliran tunai yang bergantung sepenuhnya kepada aset-aset lain. Dalam kes ini, nilai boleh diperoleh adalah berdasarkan unit penjana tunai (Cash Generating Unit ('CGU')) kepada aset dipunyai tersebut. Muhibah diperoleh dalam kombinasi perniagaan dari tarikh pengambilalihan diagihkan kepada setiap kumpulan CGU atau kumpulan-kumpulan CGU yang dijangka dimanfaatkan dari kombinasi sinergi, walaupun aset-aset atau liabiliti-liabiliti lain kumpulan diberikan kepada unit-unit tersebut atau kumpulan-kumpulan unit.

Nilai boleh diperoleh aset adalah yang mana lebih tinggi dari aset atau nilai saksama CGU ditolak kos untuk menjual dengan nilai boleh diguna. Dalam mentaksir nilai boleh diguna, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan nilai masa tunai dalam pasaran semasa dan risiko tertentu kepada aset. Di mana nilai dibawa aset melebihi nilai boleh diperoleh, aset dikatakan telah merosot nilai dan dikurangkan nilai kepada nilai boleh diperoleh. Kerugian penjejasan diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU diagihkan terdahulu bagi mengurangkan nilai dibawa muhibah kepada unit-unit atau kumpulan-kumpulan unit, dan kemudiannya dikurangkan secara pro-rata kepada nilai dibawa aset-aset lain.

Penjejasan diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tempoh di mana ianya berlaku melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula yang mana penjejasan diakaunkan sebagai kurangan penilaian semula setakat mana penjejasan tersebut tidak melebihi amaun aset yang sama di dalam rizab penilaian semula.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(h) Penjejasan aset bukan kewangan (sambungan)

Penjejasan muhibah tidak dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya. Penjejasan selain daripada muhibah dibalikkan semula sekiranya ada perubahan anggaran digunakan bagi menentukan nilai boleh diperolehi dari penjejasan diiktiraf terdahulu. Nilai dibawa bagi aset selain daripada muhibah akan ditambah kepada nilai boleh diperolehi yang dipinda, sekiranya amaun ini tidak melebihi nilai dibawa (bersih setelah susutnilai atau pelunasan) yang ditentukan sekiranya tiada penjejasan diiktiraf bagi aset dalam tahun-tahun terdahulu. Pembalikan penjejasan bagi aset selain muhibah diiktiraf dalam untung atau rugi, melainkan aset dibawa pada amaun nilaian semula yang mana dalam kes tersebut pembalikan ditunjukkan sebagai tambahan dalam penilaian semula.

(i) Perbelanjaan pembangunan hartanah

Perbelanjaan tanah dan pembangunan di mana kerja pembangunan penting telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam masa kitaran kendalian biasa dikelaskan sebagai pembangunan hartanah. Pembangunan hartanah dinyatakan pada kos dicampur keuntungan, ditolak kerugian dan bil-bil. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung dan perbelanjaan pembangunan berkenaan yang lain.

(j) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Inventori terdiri daripada projek-projek siap perumahan, perkedaian, bengkel dan barang siap.

Inventori ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu. Kos bahan mentah terdiri daripada kos pembelian. Kos barang siap dan kerja dalam pelaksanaan terdiri daripada kos bahan mentah, kos pekerja, kos langsung dan pembahagian overhead pengeluaran. Kos hartanah belum jual termasuk kos berkaitan dengan pembelian tanah, kos langsung dan pembahagian kos umum yang sewajarnya.

Nilai boleh realisasi bersih merupakan harga jualan anggaran di dalam urusan biasa perniagaan ditolak semua kos anggaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

Penjejasan ditentukan berasaskan perbezaan nilai terendah kos dibandingkan dengan nilai pasaran (berdasarkan penentuan nilai oleh Perunding yang telah dilantik)

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(k) Penghutang perniagaan

Hutang yang diketahui lapuk dihapuskan dan peruntukan tertentu disediakan untuk semua hutang yang diragukan kutipannya.

Asas kepada peruntukan hutang ragu seperti berikut :

Jenis Penghutang	Asas penyediaan peruntukan
Jualan Rumah Kedai, Lot Tanah, Jual Sewa	Peruntukan = Baki hutang melebihi 12 bulan
Jualan Tanah Industri	Peruntukan = Baki hutang melebihi 24 bulan
Sewa Rumah Kedai, SewaJual, Penswastaaan, Sewa Tanah Industri, Sewa Bengkel	Peruntukan = Tunggakan melebihi 6 bulan / tidak aktif
Sewa Beli	Peruntukan = Tunggakan melebihi 12 bulan / tidak aktif
Penghutang lain	Peruntukan = Tunggakan melebihi 12 bulan / tidak aktif

Namun begitu, pengecualian peruntukan hutang ragu diberikan bagi penghutang yang belum memenuhi syarat-syarat tertentu sesuatu transaksi dan bagi pembayaran secara berperingkat.

(l) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan, simpanan di bank dan pelaburan jangka pendek dengan kecairan tinggi yang boleh diubah kepada jumlah tunai dengan mudah dan tertakluk kepada risiko rendah dalam perubahan nilai. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit tetap dan deposit dipanggil, ditolak baki overdraf bank.

(m) Instrumen kewangan

(i) Aset kewangan

Aset Kewangan dikategorikan seperti berikut:

- Pinjaman dan Penghutang;
- Sedia Untuk Dijual;
- Dipegang Hingga Matang; dan
- Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(m) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

Kategori ini adalah merujuk kepada tujuan, dasar dan amalan untuk pengurusan Instrumen Kewangan tersebut, hubungan Instrumen Kewangan tersebut dengan instrumen lain serta kos dan manfaat yang berkaitan dengan setiap kategori. Kerugian maksima kerana kegagalan memenuhi obligasi mana-mana Aset Kewangan adalah bersamaan dengan Amaun Bawaan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pinjaman dan Penghutang pada awalnya diiktiraf pada Nilai Saksama yang ditambah dengan kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada Kos Terlunas menggunakan kaedah Kadar Faedah Berkesan. Pinjaman dan Penghutang yang dikeluarkan dengan tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominal, kecuali jika kesan pendiskauan adalah material. Di samping itu, perbezaan antara Hasil Pinjaman Konsesi dengan Nilai Saksama (berdasarkan syarat pasaran) adalah diandaikan sebagai Belanja dalam Untung atau Rugi pada pengiktirafan awal. Peruntukan untuk amaun yang dianggarkan tidak boleh pulih diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset tersebut terjejas. Faedah, kerugian penjejasan nilai dan Untung dan Rugi tukaran asing diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan dipegang untuk dagangan dan Aset Kewangan yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi adalah direkodkan pada nilai saksama dengan untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi jika ia dimiliki dengan tujuan dagangan dalam jangka pendek. Aset Kewangan juga boleh ditetapkan dalam kategori ini jika pengolahan perakaunan menghasilkan maklumat yang lebih relevan kerana ia akan mengurangkan dengan signifikan ketidakpadanan perakaunan dengan liabiliti yang berkaitan atau ia adalah sebahagian daripada kumpulan Aset Kewangan yang diuruskan dan dinilai menggunakan asas nilai saksama. Untung atau rugi daripada faedah, tukaran asing dan pergerakan lain nilai saksama adalah dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos urus niaga akan dibelanjakan apabila ia ditanggung.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(m) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual, pada awalnya dinyatakan pada nilai saksama ditambah dengan kos urus niaga. Berikutnya, instrumen tersebut direkodkan pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran disebut, sebarang perubahan nilai saksama menghasilkan untung atau rugi dan hendaklah diiktiraf dalam Aset Bersih/Ekuiti. Pengukuran berikutnya bagi Instrumen Yang Tidak Disebut Harga dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan dibawa pada kos. Kerugian Penjejasan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Pada penyahiktirafan, untung atau rugi nilai saksama kumulatif yang sebelum ini diiktiraf dalam Aset Bersih/Ekuiti akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Tunai dan Bersamaan Tunai terdiri daripada Tunai di Bank, Akaun Semasa dan Deposit, Tunai di Tangan (Tunai Runcit) dan Wang Tunai dalam Transit.

Nilai Saksama Pelaburan Disebut Harga adalah berdasarkan harga bidaan semasa. Kebiasaannya, belian dan jualan bagi semua Aset Kewangan diakaunkan pada tarikh dagangan. Jika pasaran bagi sesuatu Aset Kewangan tidak aktif, nilai saksama digunakan untuk pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya dibuat dengan menggunakan teknik penilaian. Pada setiap tarikh akhir pelaporan, penilaian dibuat untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa Aset Kewangan atau kumpulan Aset Kewangan terjejas.

Jenis Aset Kewangan Utama	Designasi
Tunai dan bersamaan tunai	Pinjaman dan Penghutang
Penghutang perniagaan dan lain	Pinjaman dan Penghutang
Pelaburan lain	Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi

(ii) Liabiliti kewangan

Liabiliti Kewangan Dipegang Untuk Dagangan dan Liabiliti Kewangan yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi adalah direkodkan pada nilai saksama dengan sebarang untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Liabiliti Kewangan dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi jika ia dimiliki dengan tujuan dagangan dalam jangka pendek. Liabiliti Kewangan juga boleh ditetapkan dalam kategori ini jika pengolahan perakaunan menghasilkan maklumat yang lebih relevan kerana ia menghapuskan atau mengurangkan dengan signifikan ketidakpadanan perakaunan dengan Aset berkaitan atau merupakan sebahagian daripada sekumpulan Liabiliti Kewangan yang diuruskan dan dinilai menggunakan asas nilai saksama. Untung atau rugi daripada faedah, tukaran asing dan pergerakan nilai saksama lain adalah dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos urus niaga dibelanjakan apabila ia ditanggung.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(m) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Liabiliti kewangan (sambungan)

Liabiliti Kewangan lain diiktirafkan pada awalnya dengan nilai saksama ditolak dengan kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Liabiliti Kewangan yang mempunyai tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominalnya. Pelunasan bagi item monetari, untung atau rugi tukaran asing, diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai untung atau rugi apabila Liabiliti dinyahiktiraf.

Kontrak Jaminan Kewangan adalah kontrak yang memerlukan pengeluar membuat bayaran tertentu untuk membayar balik pemegang bagi kerugian yang dialami kerana penghutang tertentu gagal untuk membayar apabila cukup tempoh. Kontrak Jaminan Kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai liabiliti dengan nilai saksama ditolak dengan kos urus niaga. Selepas pengiktirafan awal tersebut, Kontrak Jaminan Kewangan diiktiraf sebagai Hasil dalam Untung atau Rugi sepanjang tempoh jaminan. Jika penghutang gagal untuk membuat bayaran berkaitan dengan Kontrak Jaminan Kewangan apabila tiba masanya dan Kumpulan, sebagai pengeluar, perlu membayar balik kepada pemegang untuk kerugian berkaitan, liabiliti diukur nilai yang lebih tinggi antara anggaran terbaik belanja yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh laporan dengan amaun yang diiktiraf pada awalnya ditolak dengan pelunasan terkumpul.

Jenis Liabiliti Kewangan Utama	Designasi
Pemiutang Perniagaan dan lain	Kos Terlunas
Pinjaman	Kos Terlunas

(n) Aset cukai dan liabiliti cukai

Cukai semasa bagi tempoh semasa dan terdahulu, sehingga tahap belum dibayar, diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Jika amaun tersebut telah dibayar berhubung dengan tempoh semasa dan terdahulu melebihi amaun terhutang bagi tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa. Liabiliti (Aset) cukai semasa diukur pada amaun yang Kumpulan jangka untuk dibayar (dikutip) menggunakan kadar cukai dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai, kecuali sehingga tahap liabiliti cukai tertunda timbul daripada:

- pengiktirafan awal muhibah; atau
- pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang mana bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga tersebut, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan dan tidak juga keuntungan boleh dicukai (atau kerugian cukai).

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(n) Aset cukai dan liabiliti cukai (sambungan)

Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk item-item di dalam hartanah, loji dan peralatan yang tidak layak bagi elaun modal dan aset tak ketara diperolehi yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan, melainkan aset cukai tertunda tersebut timbul daripada pengiktirafan awal aset dan liabiliti di dalam urus niaga bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga tersebut, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan dan tidak juga keuntungan boleh dicukai (atau kerugian cukai). Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk geran kerajaan diterima yang tidak boleh dicukai dan elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan atas hartanah, loji dan peralatan yang layak.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan bawa ke hadapan sehingga tahap yang ia berkemungkinan keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda diukur menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang digubal atau sebahagian besarnya digubal sebelum akhir tempoh pelaporan. Pengukuran cukai tertunda mencerminkan kesan cukai yang akan mengikut daripada cara mana Kumpulan jangka, pada akhir tempoh pelaporan, untuk dikutip atau diselesaikan amaun dibawa oleh asetnya atau liabilitinya.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, amaun dibawa aset cukai tertunda disemak, dan dikurangkan sehingga tahap tiada lagi kemungkinan keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membenarkan manfaat bagi sebahagian atau kesemua aset cukai tertunda boleh digunakan. Sebarang pengurangan seumpamanya akan diterbalikkan sehingga tahap ia menjadi kemungkinan keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia.

Cukai semasa atau tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan di dalam untung atau rugi bagi tempoh. Bagi item-item yang diiktiraf secara terus kepada ekuiti, kesan cukai yang berkaitan juga diiktiraf secara terus kepada ekuiti.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(o) Pajakan

Kos aset yang diperolehi di bawah pajakan kewangan dipermodalkan. Dasar susutnilai ke atas aset ini adalah sama seperti lain-lain aset Kumpulan sebagaimana dinyatakan di Nota 3(d) kepada penyata kewangan.

Tanggungan belum berbayar di bawah pajakan setelah ditolak perbelanjaan kewangan telah dimasukkan sebagai liabiliti di dalam akaun. Perbelanjaan kewangan sewa pajakan dikenakan kepada akaun untung atau rugi sepanjang tempoh perjanjian berkenaan.

(p) Pinjaman berfaedah

Pinjaman diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama, selepas ditolak kos urus niaga yang ditanggung. Pinjaman kemudiannya dibawa pada kos yang terlunas; apa-apa perbezaan di antara amaun diiktiraf pada permulaan dan nilai penebusan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

(q) Pengiktirafan pendapatan

Hasil daripada urus niaga pertukaran

(i) Jualan projek perumahan dan perkedaian, tanah industri dan Bandar Indera Mahkota

Jualan projek perumahan dan perkedaian, tanah industri dan Bandar Indera Mahkota diambilkira apabila ianya telah siap dan sijil perakuan kelayakan bagi mendudukinya ('*Certificate of Fitness for Occupancy* ') telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(q) Pengiktirafan pendapatan (sambungan)

Hasil daripada urus niaga pertukaran (sambungan)

(ii) Projek dalam pelaksanaan

Pendapatan atas projek dalam pelaksanaan adalah diambilkira berdasarkan kepada kaedah peratus kemajuan kerja. Semua kerugian dan jangkaan kerugian daripada projek akan dikenakan ke atas akaun untung atau rugi apabila diketahui.

(iii) Projek jualan pembangunan hartanah

Pendapatan daripada jualan pembangunan hartanah diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan berdasarkan nisbah kos pembangunan yang terlibat sehingga sekarang dibandingkan dengan jumlah kos jangkaan di mana hasil projek-projek tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Semua kerugian yang dijangka terhadap pembangunan hartanah telah diperuntukan sepenuhnya.

(iv) Jualan barang-barang

Pendapatan berkaitan dengan jualan barang-barang diiktiraf apabila barang-barang tersebut dihantar kepada pelanggan.

(v) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf secara asas tunai melainkan bagi pelaburan-pelaburan di dalam subsidiari di mana pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran

(i) Pendapatan tertunda - Geran kerajaan

Geran kerajaan bagi projek milik Kumpulan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda apabila terdapat jaminan yang munasabah ia akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi syarat-syarat geran tersebut. Terimaan geran yang digunakan untuk perbelanjaan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara sistematik pada tempoh masa perbelanjaan tersebut diiktiraf. Terimaan geran yang digunakan untuk kos sesuatu aset diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara sistematik di sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(r) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji tahunan dan bonus diakrukan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan Perbadanan.

(ii) Skim sumbangan ditakrif

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, Kumpulan yang ditubuhkan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”). Sumbangan berkenaan diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila dibelanjakan.

(iii) Manfaat persaraan pekerja

Di bawah syarat perjanjian tawaran terkumpul, manfaat persaraan akan dibayar kepada pekerja-pekerja berkenaan pada umur persaraan yang ditentukan.

Peruntukan manfaat persaraan telah diambilkira mengikut gaji terakhir yang diterima dan tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja yang berkeelayakan.

(s) Pertukaran dan terjemahan mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing di sepanjang tahun telah ditukar kepada mata wang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran menghampiri kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga.

Harta dan tanggungan dalam mata wang asing bersifat kewangan pada tarikh lembaran imbangan telah diterjemahkan kepada mata wang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran menghampiri kadar yang berkuat kuasa pada tarikh itu.

Semua keuntungan atau kerugian pertukaran dalam tahun telah diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

4. Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Ahli Perbadanan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun hasil, belanja, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka dan aset luar jangka pada akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini akan menyebabkan hasil yang memerlukan pelarasan signifikan kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tempoh masa hadapan.

(a) Pertimbangan yang dibuat dalam mengguna pakai dasar perakaunan

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan, tiada sebarang pertimbangan signifikan yang digunakan Kumpulan dan Perbadanan sepanjang tahun semasa.

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkaitan dengan masa hadapan dan sumber utama lain ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan pelarasan material amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya akan dibincangkan di bawah:

(i) Usia guna hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan menggunakan asas garis lurus sepanjang anggaran usia guna ekonomi aset. Kumpulan dan Perbadanan menganggarkan usia guna bagi hartanah, loji dan peralatan seperti dinyatakan di Nota 3(d) kepada penyata kewangan. Perubahan dalam tahap jangkaan penggunaan dan perkembangan teknologi boleh memberi impak kepada usia guna ekonomi dan nilai sisa aset dan dengan itu, caj susut nilai masa hadapan mungkin disemak.

(ii) Penjejasan penghutang

Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan, Kumpulan dan Perbadanan mengambilkira faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang signifikan bagi penghutang dan kegagalan atau kelewatan signifikan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti objektif penjejasan, amaun dan pemasaan aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri risiko kredit yang serupa.

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

5. Tunai dan bersamaan tunai

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)		
Simpanan tetap di bank berlesen	24,715,362	28,898,215	12,700,000	16,600,000
Tunai di tangan dan baki di bank	22,230,425	30,978,117	15,041,506	25,668,992
Simpanan tetap, tunai dan baki di bank	46,945,787	59,876,332	27,741,506	42,268,992
Bank overdraf (bercagar) (Nota 20)	(2,767,951)	(3,340,433)	-	-
Tunai dan bersamaan tunai	44,177,836	56,535,899	27,741,506	42,268,992

Kadar purata faedah yang efektif pada akhir tahun adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
Simpanan tetap di bank berlesen	2.33	2.29	2.17	1.97
Bank overdraf (bercagar)	6.44	6.44	-	-

Tempoh kematangan simpanan tetap di bank berlesen adalah 30 hingga 365 hari (2021: 30 hingga 365 hari).

Simpanan tetap di bank berlesen adalah dicagarkan untuk kemudahan bank overdraf.

6. Inventori

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Pada kos:				
Bahan mentah	325,061	201,502	-	-
Barang niaga	58,137	57,257	-	-
Barangan bolehguna	979,411	258,280	-	-
Rumah, lot banglo, kedai dan kondominium	151,478,568	106,842,618	150,029,968	101,147,730
	152,841,177	107,359,657	150,029,968	101,147,730

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)**

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

7. Urus niaga pertukaran belum terima

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Akaun belum terima sewa beli				
perumahan/ ruang niaga	122,250,607	112,226,694	122,250,607	112,226,694
Penghutang dagangan	3,790,354	4,965,971	-	-
Jumlah terhutang oleh subsidiari	-	-	46,790,895	-
Jumlah terhutang syarikat berkaitan	831,694	-	831,694	52,870,524
Kerugian penjejasan terkumpul	(21,394,959)	(18,009,569)	(21,221,231)	(17,555,610)
	105,477,696	99,183,096	148,651,965	147,541,608

Penghutang perniagaan tidak dikenakan faedah dan secara umumnya tempoh yang terlibat ialah dari 0 hari ke 30 hari (2021 : 0 hari ke 30 hari).

Analisis pengusuaian penghutang perniagaan Kumpulan dan Perbadanan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Tidak lampau tempoh dan tidak terjejas	511,798	263,432	-	-
Telah lampau tempoh tetapi tidak terjejas				
1 hingga 30 hari	23,108,281	72,110,622	23,108,281	71,899,787
30 hingga 60 hari	3,002,038	3,975,904	3,002,038	3,975,904
60 hingga 120 hari	2,023,474	983,913	2,023,474	983,913
Lebih daripada 120 hari	98,227,064	39,858,794	141,739,403	88,237,614
	126,360,857	116,929,233	169,873,196	165,097,218
Telah terjejas	(21,394,959)	(18,009,569)	(21,221,231)	(17,555,610)
	105,477,696	99,183,096	148,651,965	147,541,608

Penghutang perniagaan yang tidak lampau tempoh dan tidak terjejas

Penghutang perdagangan yang tidak lampau tempoh dan tidak terjejas adalah penghutang perniagaan yang mempunyai kebolehpenerimaan kredit yang baik dan rekod bayaran yang baik dengan Kumpulan. Penghutang perniagaan tersebut tidak dirundingkan semula pada tahun kewangan semasa.

Penghutang perniagaan yang telah lampau tempoh tetapi tidak terjejas

Baki penghutang perniagaan yang telah lampau tempoh tetapi tidak terjejas adalah tidak bercagar.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

8. Penghutang pelbagai dan perbelanjaan terdahulu

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)		
Jumlah terhutang oleh subsidiari	-	-	9,054,484	10,494,256
Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan	1,964,918	2,278,612	2,295	4,590
Kerugian penjejasan terkumpul	-	-	-	-
	1,964,918	2,278,612	2,295	4,590
Pertaruhan dan deposit	1,270,791	1,348,572	276,214	466,352
Pendahuluan kepada kakitangan	88,954	127,090	88,954	127,090
Penghutang lain	29,305,382	31,152,788	27,402,974	29,568,765
Kerugian penjejasan terkumpul	(27,697,979)	(28,064,416)	(35,829,920)	(27,544,914)
	1,607,403	3,088,372	(8,426,946)	2,023,851
Jumlah penghutang pelbagai	4,932,066	6,842,646	995,001	13,116,139
Perbelanjaan terdahulu	1,327,457	2,559,132	1,327,457	2,559,132
	6,259,523	9,401,778	2,322,458	15,675,271

Jumlah terhutang oleh subsidiari ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

Jumlah penghutang lain terdiri daripada syarikat Bukit Katil Resources Sdn Bhd berjumlah RM26,755,507 (2021 : RM26,755,507). Jumlah penghutang lain ini telah pun dibuat peruntukan penuh dan sedang dalam tindakan guaman Perbadanan ke atas pengarah-pengarah syarikat tersebut bagi membuat tuntutan kerana para pengarah ada membuat jaminan peribadi pengarah (*director's personal guarantee*).

Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

**Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)**

9. Pelaburan lain

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Semasa				
Saham tersiarharga, pada kos	-	71,816	-	71,816
Kerugian penjejasan terkumpul	-	(71,806)	-	(71,806)
	<u>-</u>	<u>10</u>	<u>-</u>	<u>10</u>
Bukan semasa				
Sukuk	296,872	295,565	-	-
Saham tersiarharga, pada kos	4,617,680	4,615,800	4,550,000	4,550,000
Saham tak tersiarharga, pada kos	55,143,743	55,845,927	55,093,743	55,795,927
	<u>60,058,295</u>	<u>60,757,292</u>	<u>59,643,743</u>	<u>60,345,927</u>
Kerugian penjejasan terkumpul	(16,570,714)	(3,070,000)	(16,570,714)	(3,070,000)
	<u>43,487,581</u>	<u>57,687,292</u>	<u>43,073,029</u>	<u>57,275,927</u>

Sebahagian daripada pelaburan Kumpulan dalam saham tersiarharga dan tidak tersiarharga telah dicagarkan kepada bank untuk kemudahan overdraf dan pinjaman subsidiari-subsidiari tertentu.

Termasuk dalam saham tak tersiarharga bukan semasa ialah saham Lanjut Golf Resort dan Budget & Business Hotel dengan kos sebanyak RM3,675,000 (2021 : RM4,449,000) adalah saham pegangan amanah bagi pihak kerajaan negeri.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)

10. Kos pembangunan hartanah

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Pada awal tahun				
- tanah	85,962,722	103,740,946	48,516,644	54,362,773
- kos pembangunan	221,469,696	201,023,582	197,967,060	192,651,409
- kos terkumpul dicaj ke untung atau rugi	(18,736,865)	(14,655,051)	(8,474,456)	(8,474,456)
	288,695,553	290,109,477	238,009,248	238,539,726
Tambahan kos dalam tahun semasa				
- tanah	1,087,233	80,653	1,087,233	80,653
- kos pembangunan	16,041,082	10,636,491	7,660,840	1,257,528
	17,128,315	10,717,144	8,748,073	1,338,181
Pelarasan				
- tanah	(801,385)	(198,609)	(801,385)	(198,609)
- kos pembangunan	(70,271,540)	(1,670,050)	(70,271,540)	(1,670,050)
- kos terkumpul dicaj ke untung atau rugi	3,368,456	-	8,474,456	-
	(67,704,469)	(1,868,659)	(62,598,469)	(1,868,659)
Kos dicaj ke untung atau rugi	(5,089,522)	(10,262,409)	-	-
Pada akhir tahun	233,029,877	288,695,553	184,158,852	238,009,248
Terdiri daripada :				
- tanah	81,142,570	103,622,990	48,802,492	54,244,817
- kos pembangunan	156,976,829	209,990,023	135,356,360	192,238,887
- kos terkumpul dicaj ke untung atau rugi	(5,089,522)	(24,917,460)	-	(8,474,456)
	233,029,877	288,695,553	184,158,852	238,009,248
Dianalisa sebagai berikut:				
Semasa	200,689,799	251,249,475	184,158,852	238,009,248
Bukan semasa	32,340,078	37,446,078	-	-
	233,029,877	288,695,553	184,158,852	238,009,248

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (sambungan)

11. Aset/Liabiliti cukai tertunda

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak penguatkuasaan untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa berkaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

Amaun di lembaran imbalan, selepas pengimbangan yang berpatutan, adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Aset cukai tertunda	(147,672)	(149,423)	-	-
Liabiliti cukai tertunda	2,602,290	971,677	99,897	128,111
	<u>2,454,618</u>	<u>822,254</u>	<u>99,897</u>	<u>128,111</u>
Pada awal tahun	822,254	(8,110)	128,111	110,210
